



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 32

RABU 12HB OGOS, 1981.

رابو 11 شوال 1401

PERCHUMA

DAULAT
DULI
TUAN
PATEK



ALLAH
LANJUT-
KAN
USIA
KEBAWAH
D.Y.M.M.



Sempena
Sambutan
Hari
Keputeraan
Baginda
Ke-

35



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin.
D.K., P.S.S.U.B., D.P.K.G., D.P.K.T., P.S.P.N.B., P.S.N.B., P.S.L.J., S.P.M.B., P.A.N.B., G.C.M.G., D.M.N., D.K. (Kelantan), D.K. (Johor), D.K. (Negeri Sembilan).
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.



Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
DAGMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

12HB OGOS, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

CHORAK PERAYAAN

SEKURANG2-NYA dalam masa dua minggu ini kita akan merayakan sambutan hari keputeraan yang ke-35 tahun Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Pada keseluruhan-nya, acara2 yang di-susun di-seluruh negeri tidak berbeza dari tahun2 yang lalu dengan maseh mengketarakan chorak sambutan yang bersifat 'perayaan'.

Suatu hal yang tidak patut di-lupakan disebabkan acara2 yang di-susun itu ia-lah tenaga2 dari badan2 sukarela dan orang2 perseorangan sa-lain dari jabatan2 Kerajaan. Betapa tenaga itu di-gembeling dengan jayanya sangat-lah mengagumkan. Ia suatu paduan tenaga yang bukan kecil dengan belanja dan waktu yang bukan sedikit. Dari segi ini maka orang ramai tentu patut 'berkenang'.

Melihat kepada keupayaan mengatorkan berbagai2 ranchangan dan menjayakan-nya dengan baik maka tentu boleh di-jangka-kan ungkayah tenaga yang sama itu akan dapat menonjolkan chorak sambutan yang mempunyai imbasan2 yang lebih serius pada masa2 akan datang.

Acara2 yang memberi imbasan bersifat kenegaraan itu maseh boleh di-salorkan dalam acara2 yang bersifat 'perayaan' itu. Um-pama-nya, sambutan tahun demi tahun akan mendokong suatu thema di-mana sa-barang issu kenegaraan dapat di-tonjolkan melalui, kata-lah — ucapan2, chogan2 kata pada gerbang2 yang di-dirikan dan pada sepandok2 dalam acara perarakan berchuchol dan kereta berhias.

Pun pada masa2 akan datang tenaga yang sama itu di-perchayai akan dapat merancang acara di-mana mithal-nya orang2 chachat dan anak2 yatim di-sertakan dalam perayaan bukan dengan setakat menghibor mereka tetapi serentak dengan itu kata-lah juga memberi kesempatan untuk mereka DI-MURA'AHKAN oleh pemimpin2 negara dalam bentuk lain dari yang biasa.

Kesemua itu mungkin sudah terfikir oleh sa-tengah2 pehak, dan kita sama2 berharap fikiran tersebut akan di-kembangkan dan di-halusi lagi untuk di-jadikan suatu kenyataan di-perayaan2 yang akan datang.

Di-saat2 negeri kita akan mengambil alih sa-mula, sa-chara penoh, tanggung-jawab antarabangsa sa-bagai sa-buah negara yang merdeka lagi berdaulat tentu sa-makin banyak yang kita fikirkan sa-bagai persiapan memasuki era merdeka itu. Tenaga2 kita yang memang di-ketahui terhad sedang di-gembeling ka-arrah itu. Maka ada-lah menasabah kita menjadikan perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-serentakkan dengan usaha meningkatkan kesederan dan semangat bernegara dan berkerajaan.

ANTARA tanda2 suatu kumpulan orang ramai itu di-katakan aktif sa-bagai masyarakat yang berperanan dalam pembangunan ia-lah ada-nya semangat memberi sambutan atau menyahut chabaran2 bagi penyertaan mereka dalam ranchangan2 pembangunan dan kemajuan yang di-ranchangkan oleh negara.

Tidak shak lagi, negara kita meranchangkan berbagai bidang pembangunan bagi memajukan negeri dan serentak dengan itu ia-lah juga bagi memperbaiki taraf hidup rakyat. Dalam hubungan ini maka pembenaan sekolah2, masjid2, jalan2 raya, pembe- kulan ayer dan listrik — tentu-lah di-maksudkan bagi faedah2 kemajuan negeri dan meninggikan taraf hidup rakyat. Tetapi semua-nya itu berupa kemudahan2 yang di-perlukan dan tidak akan menjadi faktor muktamad sa-bagai jaminan yang satu2 kemajuan yang sunggoh2 dapat dan pasti di-chapai sa-kiranya rakyat yang menjadi 'target' atau matalamat sebarang pembangunan itu tinggal berpelok tuboh, tidak aktif, tidak ambil tahu perkembangan2 yang membabitkan diri mereka, kampung halaman mereka dan negeri mereka.

CHAPAI MAKSUD

Sa-barang pembangunan dan ranchangan kemajuan akan tidak mencapai maksud-nya yang di-harapkan oleh rakyat sekiranya mereka sendiri tidak memberi sambutan dengan mengambil peranan sa-bagai kumpulan yang aktif dalam bidang2 kemajuan itu.

Saya tidak fikir peranan yang aktif sa-chara kumpulan itu ia-lah dengan sa-takat menyatukan tenaga di-perengkat bawah bagi mendesak kerajaan, atau kalau pun tidak mendesak tetapi 'menyeru' kerajaan atau lebih hormat bunyi-nya 'memohon' kepada kerajaan supaya sa-suatu di-buat dan di-adakan. Chara sa-demikian, belum menandakan bahawa rakyat sudah sadar dan mahukan pembangunan atau menuntut sebarang perubahan bagi meninggikan taraf hidup mereka, sebab dengan sa-takat berseru atau memohon itu dan ini tanpa di-sertai dengan usaha yang konkrit berupa penyertaan yang aktif dalam kemajuan yang di-ranchangkan oleh kerajaan — hanya lebih memungkinkannya mereka terus menerus menjadi bebanan dan menambah bebanan negara sa-bagai masyarakat 'tahu ada' sahaja.

Masyarakat 'tahu ada' ia-lah masyarakat di-mana anggota-nya memandang pehak2 lain terutama pehak kerajaan dengan pandangan bahawa pehak lain atau kerajaan itu mesti

Sikap "tahu ada" bebankan negara

BERIKUT ia-lah ucapan Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, sa-masa merasmikan Mashuarat Agong Tahunan Sharikat Kedai Kerjasama MUTIKA JAYA, Kampung Pengkalen Batu pada hari Jumaat, 7hb Ogos yang lalu.

berbuat sa-suatu kepada mereka.

Dalam memandang sa-demikian itu mereka cuma dapat melihat apa orang lain patut dan mesti buat untuk mereka. Jarang sa-kali mereka dapat melihat apa yang mereka 'patut sama2 buat' untuk diri mereka, jauh sa-kali dari memandang dan melihat apa yang mereka patut buat untuk orang lain.

TIDAK PATUT

Sa-barang bentok masyarakat 'tahu ada' itu tidak lagi patut wujud di-perengkat sosio-ekonomi dan kebudayaan yang semakin maju seperti kita di-Brunei sekarang. Dan sa-barang imbasan sikap yang sa-demikian itu bentok-nya patut-lah tidak lagi di-tonjolkan sa-bagai fenomena kemasharakatan kita. Sebalak-nya dengan kedudukan rakyat sudah berpelajaran, dengan taraf hidup yang semakin baik dan tinggi, dan dengan keadaan negeri yang bertambah mantap yang memang itu sudah kita alami, maka sikap dan pandangan kita sepatut-nya lebih progresif dalam ertikata ingin maju dengan semangat memperbaiki diri sendiri melalui usaha2 sendiri bersama2 dengan orang lain sa-iring dengan pembangunan dan kemajuan yang di-ranchangkan oleh kerajaan.

PROGRESIF

Pada hemat saya, sikap progresif dalam erti kata yang di-sebutkan ada-lah sedang berkembang dengan baik-nya di-negeri kita ini. Melalui berbagai2 badan dan pertubohan yang berchorak non-politik kita di-negeri ini sa-sung-goh-nya mengalami suatu pergerakan kemajuan sosial yang mengagumkan di-mana rakyat, terutama-nya di-perengkat bawah 'grass root' telah memberi keyakinan kepada badan2 dan pertubohan2 non-politik itu sa-bagai mampu memenuhi aspirasi mereka sa-laku rakyat yang mahukan kemajuan dan berkehendakkan perubahan sosial yang sa-wajarnya.

Sa-sentak dengan keyakinan itu mereka telah dan sedang mengambil peranan sa-bagai kumpulan2 masyarakat yang aktif, tidak sa-takat memberi sambutan malah juga



Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

menyahut chabaran2 bagi sebarang penyertaan dalam pembangunan dan kemajuan yang di-ranchangkan oleh kerajaan.

UKORAN SUKAT2

Menurut ukoran sukat2 ini, ahli2 Sharikat Kedai Kerjasama MUTIKA JAYA Kampung ini adalah merupakan sa-bahagian daripada rakyat yang mahu mencapai aspirasi mereka dengan usaha sendiri bersama orang2 lain sa-iring dengan pembangunan dan kemajuan yang di-ranchangkan oleh kerajaan. Dengan itu, ahli2 sharikat ini boleh berbangga sa-bagai sa-bahagian daripada rakyat yang tidak tinggal menjadi bebanan kepada negara dan perlahan2 telah melepaskan diri daripada kedudukan sa-bagai masyarakat 'tahu ada' kepada kedudukan yang lebih kukuh melalui kegiatan ekonomi dan sosial di-perengkat kampung.

Kekukohan kedudukan ahli2 sharikat dengan apa yang sedang dan akan terus di-usahakan akan memungkinkan apabila ahli2 sharikat ini bersuara bagi sebarang kemajuan dan perubahan untuk diri mereka dan untuk kampung ini maka suara itu di-perchayai akan tidak lagi dalam nada berseru, berharap atau mendesak dan memohon orang lain dan kerajaan supaya berbuat sa-suatu bagi kampung ini. Sa-balek-nya fikiran dan pandangan ahli2 sharikat ini lebih di-tumpukan kepada keupayaan dan usaha sendiri bersama orang lain.

Dalam ertikata sa-demikian tidak bererti sudah tidak perlu menaruh harapan kepada

kerajaan sa-bagai indung yang lazim dengan sifat2 keindungan-nya.

Apa yang mustahak, sedang pandangan kepada kerajaan sa-bagai indung patut-lah di-fahamkan tidak akan menjadikan rakyat sa-bagai anak watan yang terus menerus manja dan minta di-manjakan. Sa-balek-nya bendak-lah ia di-fahamkan pengiktirafan kepada kerajaan sa-bagai pelindung di-mana ia sa-memang-nya berhak mendapat pengiktirafan sa-demikian, dan rakyat-nya sememang-nya berhak mendapat perlindungan itu.

SA-BAGAI PELINDONG

Memahami kerajaan sa-bagai pelindung itu adalah selaras pula dengan kehendak ajaran agama kita di-mana dalam perkara berpelempangan kita Nabi Muhammad s.a.w., mengingatkan bahawa rakyat hendaklah menunaikan tanggungjawab kepada pemimpin yang dalam maana-nya termasuklah tanggungjawab kepada kerajaan dan negara, di-samping itu baginda s.a.w., mengingatkan juga bahawa rakyat hendaklah pula menunaikan hak-nya kepada pemimpin mereka yakni termasuklah kepada kerajaan dan negara.

Sukachita saya menegakan bahawa ingatan Baginda dalam hadith tersebut ia-lah dalam konteks andaian conflicts of interest ia-itu sa-kiranya terjadi sa-barang pechangghaan atau pertentangan kepentingan2 antara pemimpin (juga kerajaan dan negara) dengan kepentingan rakyat maka kedua2 belah pehak hendaklah tidak sepatut-nya bersikap sa-kadit tahu akan hak masing2 dalam ertikata menuntut menuntut hak ka-atas satu sama lain tetapi hendaklah juga tahu akan tanggung-jawab masing2 terhadap satu sama lain.

DI-KELIRUKAN

Sa-sungguh-nya dalam pembangunan di-mana orang ramai atau rakyat sering di-kelirukan oleh pandangan dan sikap berseru, mendesak atau memohon kepada kerajaan sa-hingga mengaburkan pandangan mereka kepada peranan dan tanggungjawab mereka sendiri, dan dalam pembangunan di-mana sa-tengah2 orang berfikir bahawa kerajaan sedia tahu dan sedia akan tanggungjawab-nya lalu orang lain tidak perlu mengingatkan-nya maka gagasan yang di-kemukakan oleh ajaran Agama Islam kita ini seperti di-sebutkan dalam hadith Rasulullah s.a.w., sangat-lah relevan untuk diambil perhatian oleh semua pehak. Ia lebih mustahak untuk menjadi dasar dalam sebarang perancangan kemajuan sosial bukan sahaja pehak kerajaan tetapi juga oleh pehak2 orang ramai atau rakyat. Sebab melalui pemahaman bahawa masing2 berkan sahaja tahanan hak-nya ka-atas satu sama lain malah juga sedar akan tanggung-jawab-nya terhadap satu sama



GAMBAR atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sedang menjiraskan ayeng asah-an ka-atas makam bonda Baginda.

Achara2 sambutan Puja Usia Kebawah D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Yang Persemakmuran YAM Pengiran Seri Indera Haji Ismail atau Awang Asmat bin Haji Mohammad Salleh dan Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit di-Bahagian Bangunan Jabatan Kerja Raya di-ibu negeri.

Semua acara2 persembahan dan peraduan2 tersebut yang telah di-ator akan di-adakan di-Daerah Tutong, Belait dan Temburong dalam masa yang berasingan.

Di-antara acara2 yang akan berjalan di-musim perayaan ia-lah perarakan anglong berjalan kaki, pawai beragam, kereta dan basikal berhias yang terdiri dari penuntut2 sekolah, persatuan2, jabatan2 kerajaan, dan firma2 yang akan di-adakan di-daerah masing2.

Di-samping itu, berbagai peraduan juga akan di-adakan seperti peraduan berchuchol bangunan2 dan pintu gerbang bagi Daerah Brunei-Muara. Peraduan pintu gerbang terbahagi kepada dua bahagian ia-itu pintu gerbang di-jalan2 raya dan di-kawasan2 bangunan. Peraduan berchuchol bangunan pula hanya terbuka kepada rumah2 dan sekolah2 di-sepanjang Jalan Tutong hingga Batu 10, Jalan Gadong sa-hingga Ibu Pejabat Pulis, Jalan Berakas sa-hingga Batu 7, Jalan Muara sa-hingga Batu 7, Kampong Burong Pingai Berakas, Anggerek Desa,

Delima Satu dan kawasan sa-panjang Jalan Kota Batu hingga Sekolah Melaju Dato Gandhi. Borang penyertaan boleh di-dapati daripada pengerusi jawatankuasa penganjur YAM Pengiran Seri Indera Haji Ismail atau Awang Asmat bin Haji Mohammad Salleh dan Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit di-Bahagian Bangunan Jabatan Kerja Raya di-ibu negeri.

Lihat muka 6

Sikap progresif

Dari muka 2

lain itu, Insha Allah kita akan dapat mengembangkan kesedaran dan pemahaman betul dalam bernegara dan berkerajaan, di-mana masing2 kita di-ukur pada peranan dan sumbangan-nya memenuhkan tanggungjawab-nya ber-negara dan memperoleh hak kenegaraan masing2 dalam suasana yang harmoni dan terhormat.

Pada hemat saya, pemahaman yang sa-demikian itu sedang mula di-kembangkan — ia-itu oleh kerajaan melalui berbagai2 institusi-nya dan oleh rakyat melalui badan dan pertubuhan2 di-peringkat 'grass root' termasuk-lah melalui shariat2 kerjasama seperti yang ahli2 shariat punya di-kampung ini.

Tinggal lagi pengembangan yang berupa pemahaman yang menyeluruh dan membentok sikap kemasyarakatan yang progresif lebih banyak bergantung kepada sa-jauh mana kesungguhan semua pihak menerima gagasan itu ia-itu 'menunaikan tanggungjawab sama seperti menuntut hak'.

Dan ka-araf itu-lah hendak-nya kita sama bergerak menurut keupayaan masing2.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'iz-zaddin Waddaulah telah berangkat ka-Makam Diraja pada hari Khamis yang lalu untuk menziarahi Makam Bonda Baginda.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah (gambar atas) dan lain2 Kerabat Diraja juga turut berangkat.

Turut juga hadir termasuk-lah Penasehat Umom DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa; Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dapa Negara Pengiran Abd. Momin; Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz serta lain2 pegawai2 kanan kerajaan.

Bachan Tahilil dan Do'a Aruah telah di-bachakan oleh Kadzi Besar, Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal.

Kenaikan pangkat

PERKHEMAHAN BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei baru2 ini, telah mengemukakan kenaikan pangkat bagi sa-orang lagi pegawai-nya ka-jawatan Pemangku Mejar.

Pegawai tersebut ia-lah 40 Kaptein Ramli bin Kampong dari Skuadron Perahu Khas. Kenaikan bagi beliau telah bermula pada 23hb. Jun yang lalu.

209 PENUNTUT AKAN IKUTI MAJLIS TAKLIMAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 209 orang penuntut Brunei di-seberang laut yang kini sedang berchuti di-tanah ayer akan mengikuti Majlis Taklimat yang di-anjarkan oleh Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

Majlis tersebut akan di-adakan pada 20hb. dan 27hb. Ogos dan 3hb. September, 1981, di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Semasa mengikuti majlis tersebut, penuntut2 tersebut akan mendengar beberapa ceramah yang akan di-sampaikan oleh pegawai2 kanan kerajaan. Ceramah2 tersebut termasuk-lah mengenai "Hubungan Brunei/Great Britain Sepanjang Perjanjian Persahabatan-nya", "Peluang2 Pekerjaan", "Jabatan Hal Ehwal Ugama, Fungsi dalam menyibar dan mengukuhkan fahaman beragama", "Ugama dan Adat Istiadat Dalam Identiti keBruneian" dan "Kajian Perancangan kemajuan Lima Tahun 1975-1979".

SENARAI penuntut2 Brunei di-seberang laut yang akan mengikuti siri taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan yang akan bermula pada 20hb Ogos, 27hb Ogos, serta 3hb September.

Siti Rohaya bte Abd Hamid, Ismail bin Mohammad, Harun Abd Majid, Ainon Haji Abdullah, Yusoff Haji Awang Mohammad, Dayang Chua Kui Hwa, Faridah Abdul Hamid, Dk Azizah Pg Said, Mr. Razalie bin Junaidi, Yunus Haji Md Husaini, Mordiah Haji Jackia, Noriah bte Awg Haji Abd Halim, Rokiah bte Omar, Hartini bte Abdullah, Dk Usom Pg Osman, Sabtuyah Piee @ Shafiee.

Ramlah Haji Abd Hamid, Norja bte Gafar, Christabel Teo Lai Tan, Zuriah bte Ibrahim, Abd Karim Awang Aspar, Zulkiepli Pehin Khatib Haji Md Yusoff Mohd Redzuan

Abdullah @ Y. G. Han, Misbak Haji Yusoff, Rukiah Matnoor, Salim bin Adi, Mr. Rabee bin Sabli, Ali bin Angas, Ibrahim Haji Hassan, Hajjah Aminah Haji Omar, Biti bte Lamat, Abd Malek Haji Metarsat.

Shukri bin Abang Taha, Suhaime Haji Md Hashim, Rohana Haji Abd Wahab, Ak Mohammad Pg Metali, Abd Latif bin Aspar, Miss Beng Cha Wa, Majid bin Saman, Abdul Jalil Haji Abd Latif, Razali bin Siput, Mardeka bin Siput, Abd Aziz bin Abdullah, Musa bin Munap, Hajjah Laila bte Awg Haji Hamid, Latip Haji Ahmad, Awang Koh Hong Puah, Sulaiman bin Labok, Mohd Junaidi PJDSM Dato Haji Abd Rahman, Rosli Mat Noor.

Mangoi anak Ondak, Masnah bte Lusin, Kamul Jaman bin Gadong, Kamis bin Munchit, Bakar bin Tuah, Ismah Besar, Juna bin Jumat, Marjoki bin Mohamad, Abdul Ghani bin Mohammad Tahir, Mr Poh Eng Hong, Dayang Chong Li Chen, Miss Ranni bte Janda'h, Ak Hasim Pg Hj Chuchu, Puteh bin Haji Latip, Md Shahrir Haji Mohsin, Anny bte Arbi, John Loh @ Janhlah bin OKPD Lukan, Wasli bin Metali.

Jamudin Abd Hamid, Matnardin bin Ibrahim, Dayang Leong Ngok Peng, Ahmad bin Udin, Ibrahim Haji Sawal, Mesli bin Lamat, Apang bin Amud, Kamis bin Haji Mumin, Bakar Haji Mat Yasin, Affandy bin Awang Damit, Bakar Ibrahim, Kassim Mohammad Yassin, Aminah Haji Mohd Ja'afar, Md Ishak bin Dzulkifli, Salleh bin Yusoff, Mauludiah bte Yusoff, Bujang @ Tindin anak Eri, Siri bin Sijok, Halimuddin Haji Ahmed Yunos, Abdul Rahman bin Hassan.

Dayang Wee Son How, Madeli bin Haji Baha, Nelson Chong Choo Tuan, Amin bin Pehin Khatib Awg Sirat, Dy. Gala Ulat, Awang Hong Kok Seng, Metali bin Mirasan, Rohana bte Abdullah, Sudip bin Mohd Rais, Salor bin Kasi, Armah bte Abdullah, Mawardi Haji Abdullah, Mat Salleh bin Omar, Mohammad Haji Kassim, Jaliha bte Awg Mohd Yusoff, Haji Zabidi Haji Nasar, Malai Halimah bte Malai Yusoff, Mohd Rosli Haji Sabtu, Mohd Daud Mahmud, Masri bin Shari.

Bakar bin Metussin @ Md Husain, Aisah Haji Abdul Majid, Maimon bte Haji Abdul Hamid, Mahani Abu Bakar, Marilyn Teo Lai, Ramlie bin Mahmud, Mohd Zaini Haji Ali, Naibi bin Nurasin, Ak

Hassanah Pg Johari @ Zahari, Fatmah Ahmad, Salmayah Haji Mohd Husain, Dk Rasidah Pg Metussin, Bantong bin Antaran, Dk Masrainah Pg Ahmad, Md Said Haji Damit, Zulkifli Pehin Khatib Haji Md Yusoff, Junainah Haji Md Hussin, Ak Alli Pg Mohammad.

Dayang Lee Chew Nyet, Saibiah Haji Md Daud, Salleh bin Yusoff, Jijah Ampuan Sulaiman, Simah Haji Mohd Yusoff, Hajjah Mohd Salleh Haji Matahir, Abdul Latif Hj Jamil, Dk Sharinah Pg Shariuddin, Ibrahim Mohd Yassin, Abdul Latip Haji Matnor, Awang Wee Ken Ieck, Mohamad Ja'afar Johari, Zaitonah Othman, Sanari bin Karim, Sidi bin Mohammad, Aket bin Melayong, Halawi Mohammad Zamin, Mohd Taha Haji Metahir, Ak Abd Rahman PSI Pg Haji Ismail, Mariah Mahmud.

Yahya bin Tujoh, Mat Salleh Omar, Bong Cha Wa, Lum Siew King, Metussin Haji Bakar, Ismail Bahari, Dk Rosidah Pg Metussin, Bakar Ongsang, Zaini Haji Sabtu, Hafizah Hj Md Daud, Jasni Abdul Latif, Shahrudin Kadir, Normah Haji Md Yassin, Mat Serudin Md Noor, Dk Rosimah Pg Mohammad, Jalil Haji Mail, Dy Fatimah Haji Abdul Rahman, Abd Majid Mangarshah, Tin Jit, Ahmad Haji Mohd Yassin.

Mohamad bin Penglima Hj Abdullah, Jaman Jamahat @ Jumat, Mohd Amin Pehin Khatib Awang Haji Sirat, Salleh Haji Tengah, Mohd Yusoff Haji Ering, Jasmen Shah Haji Mohd Mosbi, Dk Jaliha Pg Sahudin, Maidin bin Mumin, Bustamam bin Abang, Abdul Aziz Haji Ibrahim, Mohd Noh Haji Awg Omar, Abdul Rahman Haji Modin, Dayang Chua Kui Hwa, Abdullah Abd Rahman.

Hanafi Haji Mat Yassin, Mohd Nassar Haji Momin, Osman bin Ladis, Fatimah Hj Mohd Salleh, Zaliha Haji Talip, Ummikalthum Haji Ali-omar, Dk Rohaniah Pg Metussin, Mat Nor bin Bungsu, Fung Ah Chan, Ismail Hitam, Radiah Hamdan, Cheong Huat Joo, Zahara Kamis, Hamiah Haji Md Jamil, Jeliha Harry, Mohd Yasmin Umar, Dayang Intan Haji Salleh, Talip Tassim.

Dk Siti Aminah Pg Mohamed, Yusop Metassan, Hamidah Abdul Hamid, Sabli Hj Metussin, Jaenaludin bin Saman, Sakdiyah Ladi, Dayang Lim Siew Yen, Husni A. Matussin, Abdul Ghani Haji Kadir, Fung Geok Geeh @ Rebecca, Hamzah Shawal, Abdul Aziz Abdul Latip.

Meletak Nisan di-Kubor

MELETAKKAN nisan di-araf kepala mayat ada-lah sunat hukum-nya ia-itu mengikut perbuatan Rasulullah s.a.w. yang meletakkan nisan di-araf kepala mayat sahabat 'Othman bin Maz'un sa-telah ia di-tanam. Dan menurut Al-Imam Al-Mawardi (meninggal tahun H 450) sunat juga di-letakkan satu nisan di kepala mayat dan satu nisan yang lain di-sebelah kaki-nya yang mana itu ada-lah juga di-perbuat oleh Nabi s.a.w. ka-atas mayat sahabat Othman bin Maz'un itu.

TUJUAN

Meletakkan nisan di-atas kuboran itu bertujuan untuk menjadi suatu tanda pada mengetahui kubor si-mati dan memudahkan bila hendak menanam saudara mara dan ahli si-mati dekat dengan kubor-nya, kerana menanam saudara mara dan ahli si-mati dengan si-mati di-suatu tempat dari tanah kubor itu ada-lah sunat pula hukum-nya.

Kata Al-Imam An-Nawawi :

"Hendak-lah di-buatkan suatu tanda yang nyata dari batu atau kayu atau lain2 di-sisi kepala mayat si-mati. Begini-lah yang di-katakan oleh Al-Imam As-Shafi'e dan lain2 ulama besar mazhab Shafi'e melainkan pengarang kitab Al-Hawi ia-itu Al-Imam Al-Mawardi yang telah menyatakan bahawa sunat di-buat dua tanda, satu di-sisi kepala dan satu lagi di-sisi dua kaki si-mati — dengan berpandukan perbuatan Rasulullah s.a.w. ka-atas kubor sahabat Othman bin Maz'un. Tetapi yang di-ketahui dalam riwayat2 hadith mengenai Othman bin Maz'un itu chuma menyebutkan satu batu tanda sahaja."

SA-HIMPUNAN

Berkata Shaikhul Islam Zakaria Al-Ansari (meninggal tahun H.926) dalam kitab Sharah Al-Minhaj :

"Sunat di-letakkan sa-butir batu besar atau sapotong kayu di-sisi kepala si-mati dan sunat menghimpunkan ahli2 si-mati pada suatu kawasan dari tanah kubor kerana Nabi s.a.w. telah meletakkan batu besar di-sisi kepala mayat Othman bin Maz'un dengan sabda-nya yang bermaksud: "Saya jadikan batu besar itu tanda bagi mengenal kubor saudara

saya (Othman bin Maz'un itu ia-lah saudara susuan Baginda) dan saya menanam dekat dengan-nya si-apa yang mati daripada ahli saudara saya ini." Hadith tersebut di-riwayatkan oleh Imam Abu Daud dengan Isnad (sandaran) yang bagus. Dan ulama telah mentafsirkan erti 'ahli' dalam hadith itu termasuklah isteri, hamba, saudara susuan, semenda, rakan yang rapat.

Dari riwayat tersebut itu juga Al-Imam Ar-Ramli mengatakan bahawa sunat batu yang besar sebab tujuan yang demikian hendak mengenal kubor si-mati bagi sa-lama2-nya dan tiada ada demikian itu melainkan dengan batu besar. Sa-lain itu sunat juga di-letakkan batu2 kecil di-atas kubor sa-lain batu besar yang di-buat tanda (nisan) itu. Keterangan bahawa sunat batu2 kecil di-letakkan di-kubor itu ialah riwayat yang menyebutkan bahawa kubor sayidina Ibrahim anakanda Rasulullah s.a.w. telah di-letak batu2 kecil.

ARAF KEPALA

Oleh yang demikian menurut hadith2 dan perkataan2 ulama mengulas hadith2 itu tadi terang-lah hukum-nya bahawa sunat di-letakkan sa-butir batu besar atau sa-batang kayu besar di-atas araf kepala si-mati sa-lepas mayat-nya itu di-tanam dalam kubor, dan bukan di-tengah2 kubor-nya.

Kesimpulan tersebut ialah pendapat Al-Imam As-Shafi'e, Al-Imam Abu Ishak As-Shirazi, Al-Imam An-Nawawi dan Al-Imam Ibnu Hajar serta lain2 ulama besar dalam mazhab Shafi'e.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

Shubramilsi.

Oleh kerana ulama2 yang di-sebutkan itu ulama2 besar dalam mazhab As-Shafi'e yang mana perkataan dan pendapat mereka adalah di-pakai oleh lain2 ulama mazhab As-Shafi'e maka boleh dan harus kita mana2 daripada dua pendapat mereka itu ia-itu samada dengan membuat satu tanda (nisan) di-araf kepala si-mati atau pun dua tanda yang masing2 di-araf kepala dan di-araf kaki si-mati.

Di-Brunei dan di-Tanah Jawa di-Garut saya lihat kubor-nya memakai satu nisan. Sementara di-makam Al-Mahmudiah Johor Baharu (Makam Diraja dan ulama serta juga mufti2) dan kubor2 di-Bagh-

dad, Damshek dan Kaherah saya lihat memakai dua nisan yang masing2 di-araf kepala dan di-araf kaki.

KESIMPULAN

Memilih pendapat atau perkataan yang mengatakan sunat di-letakkan dua batang nisan di-atas tiap2 kubor itu ada juga bagus-nya supaya terpelihara kubor2 itu dari di-tinjak dan di-duduki di-atas-nya dan dari lain2 apa yang menchabul kehormatan kubor dan mayat itu.

Perlu di-ambil ingatan kalau menggali kubor untuk menanam mayat lalu di-dapati tulang2 dan suku2 mayat yang belum hancor maka wajib ditimbus sa-mula kubor itu.

WALLAHU A'ALAM.

DUA TANDA

Menurut perkataan Al-Imam Al-Mawardi dalam kitab Al-Hawi tadi ada-lah sunat di-buat dua tanda, satu di-araf kepala si-mati dan satu lagi di-araf kaki-nya, kerana menurut-nya riwayat yang menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. ada berbuat sa-demikian ka-atas kubor sahabat Othman bin Maz'un.

Pendapat Al-Mawardi itu telah di-terima oleh As-Shekh Zakaria Al-Ansari, Al-Imam Ar-Ramli dan Al-Imam Al-Khatib As-Shar-bini dan Al-Allamal As-



Jamuan untuk anak2 yatim

KUALA BELAIT. — Lebih dari 50 orang anak2 yatim dari daerah ini telah di-raikan di-dalam satu jamuan Hari Raya petang Sabtu lepas. Jamuan yang di-berikan oleh Kelab Isteri Petroleum bagi kali kedua-nya itu bertempat di-kediaman Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss, (gambar atas dan kanan).

Anak2 yatim di-majlis tersebut telah juga di-berikan hadiah2 dan di-hiburkan dengan berbagai jenis permainan.



MENGHORMATI IBU-BAPA KURANGKAN KRISIS MORAL

DI-SAMPING kita se-bok berchakap mengenai berbagai2 perkara di-luar diri kita, maka amat elok rasa-nya kita berhampir2 juga dengan masalah diri kita di-dalam keluarga masing2. Perkara ini ada-lah perkara penting, tetapi ramai yang kurang memerhatikan-nya, ia-itu masalah anak menunaikan hak kedua ibu-bapa-nya. Firman Allah Taala di-dalam Surah Al-Isra' ayat 23 yang erti-nya: "Dan Tuhan mu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah sa-lain Dia (Allah), dan supaya kamu berbuat baik kepada ibu-bapa kamu dengan sa-baik2-nya."



berbagai-bagai rintangan, semua itu sanggup di-tempoh-nya.

Kerana itu-lah, derhaka kepada ibu-bapa ada-lah sa-jahat2 perbuatan dan sa-besar2 dosa. Sebab itu pula Kor'an memberikan ingatan, supaya jangan chuba2 berchakap kasar kepada mereka, jangan menengking, bahkan sa-kadar perkataan "ah!" pun menjadi kesalahan. Kita di-suruh merendahkan diri terhadap mereka. Berchakap dan bergaul dengan penoh kaseh sayang, serta di-tuntut berdo'a untuk mereka itu: "Wahai Tuhan ku, kasehani-lah mereka kedua-nya, sebagaimana mereka mengasehani dan memelihara aku sa-masa aku kecil."

MEROSOT

Dalam zaman sekarang, kelihatan akhlak dan peratoran menghormati ibu-bapa ini sa-makin merosot. Di-sana sini kedapatan anak2 tidak hormatkan orang tua-nya. Tidak mengikut kata2-nya, berchakap kasar, dan sa-tengah-nya itu ada yang berani membelakangi ibu-bapa-nya dalam perkara2 yang tidak di-redhai dengan tujuan membangkang atau melawan.

Ingat-lah wahai kaum muslimin, ada pun dosa terhadap ibu-bapa itu suatu dosa tidak bertanggoh. Ia akan mendapat balasan tunai di-dunia lagi sa-belum sampai ka-akhirat. Sabda Nabi s.a.w. yang kira2 maksud-nya:

Perjumpaan Hari Raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis perjumpaan Hari Raya telah di-langsungkan di-Kampung Pandai Besi "A" di-sini pada malam Jumaat yang lepas.

Majlis pada malam itu telah di-mulakan dengan takbir Hari Raya beramai-ramai oleh penduduk2 kampung kemudian di-ikuti dengan persembahan bacaan ayat suci Al-Kor'an oleh Awang Malek bin Haji Metarsad. Ini kemudian-nya di-ikuti

"Semua dosa di-tanggohkan Allah balasan-nya hingga hari kiamat, melainkan dosa kerana derhaka kepada ibu-bapa, maka sa-sunggohnya Allah chepatkan bagi yang melakukan-nya ketika hidup sa-belum mati."

Sabda Nabi lagi yang bererti:

"Redha Allah Taala itu ada pada ibu-bapa, dan kemarahan Allah Taala pula ada pada kemarahan ibu-bapa."

Suatu riwayat menerangkan, bahawa sa-orang anak laki2 mengadakan kapada Rasulullah bahawa bapa-nya telah mengambil harta-nya. Maka Rasulullah pun memanggil bapa laki2 itu dan mendapati-nya ia ada-lah sa-orang yang sudah tua yang berjalan dengan bertongkat. Nabi pun bertanya-lah. Lalu jawab bapa tua itu: "Dahulu-nya anak saya ini lemah dan saya kuat, dia fakir dan saya kaya. Maka dalam keadaan itu, saya tidak pernah melarang-nya sesuatu dari mengambil harta saya. Dan pada hari ini, saya pula yang lemah dan dia kuat, saya fakir dan dia kaya, tetapi dia bakhil dengan harta-nya terhadap saya."

PERASAAN HORMAT

Mendengar penerangan orang tua ini, Rasulullah s.a.w. menungis. Lalu Baginda pun bersabda kapada si-anak yang bermaksud:

"Engkau dan harta mu itu ada-lah untuk bapa mu."

Begitu-lah wahai kaum muslimin, mudah-mudahan riwayat ini akan dapat memberi fahaman kapada kita tentang mertabat ibu-bapa itu, dan mudah-mudahan juga ia akan dapat menumbuhkan perasaan hormat, belas kasehan dan kaseh sayang yang mendalam terhadap ibu-bapa. Kerana kita percha-ya jika semua ini ada neschaya hal itu boleh menolong mengurangkan krisis moral di-kalangan muda-mudi yang masa ini kian menjadi-jadi. Adanya jenayah dan kelakuan2 yang tidak senonoh, ada-lah banyak di-sebabkan dari sikap anak2 muda yang tidak mengikut dan menghormati nasehat orang tua2. Mereka bertindak sa-suka hati di-luar pengetahuan ibu-bapa, dan ada yang menjadikan ibu-bapa itu, tidak ubah-nya sa-bagai tunggol ber-nyawa sahaja layak-nya. Maka ada-lah di-harapkan semoga kebiasaan yang sa-rupa ini akan hapus dari masharakat kita.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 12hb Ogos, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
12hb Ogos	12.29	3.47	6.38	7.49	4.43	4.58	6.16	
13hb Ogos	12.29	3.47	6.38	7.49	4.43	4.58	6.16	
14hb Ogos	12.29	3.47	6.38	7.49	4.43	4.58	6.16	
15hb Ogos	12.29	3.47	6.38	7.49	4.43	4.58	6.16	
16hb Ogos	12.29	3.47	6.37	7.48	4.43	4.57	6.15	
17hb Ogos	12.29	3.47	6.37	7.48	4.43	4.57	6.15	
18hb Ogos	12.29	3.47	6.37	7.48	4.43	4.57	6.15	

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Hindarkan segala benchana dengan taubat

DI-KISAHKAN di-masa pemerintahan Khalifah Saidina Umar Ibnul-Khatib r.a., pernah terjadi musim panas yang amat terik dalam jangka masa yang panjang, sehingga merupakan petaka dan benchana hebat. Saidina Umar berbinchng dengan para sahabat-nya dan akhir-nya mengadu kapada Saidina Abbas bin Abdul Muttalib, ayah saudara Rasulullah s.a.w., Saidina Abbas mengatakan bahawa benchana tidak akan terjadi terkecuali kerana dosa. Sebab itu di-anjurkan agar kita seluruh-nya, termasuk sekalian pemimpin2 agar bertaubat dan memohon ampun ka-hadhrat Allah s.w.t., dengan beribadat sa-baik2-nya dan mengabdikan diri sa-khusus2-nya.

TAUBAT

Memang ada benchana yang tidak dapat di-atasi hanya dengan pidato2 atau tindakan2 mushawarah sa-mata2, tidak dapat di-atasi dengan kekuatan, kekuasaan dan senjata, tetapi hanya dapat di-atasi dengan taubat.

Kedua orang besar itu, satu sa-bagai kepala negara (Khalifah Saidina Umar) yang satu lagi sa-bagai ulama (Saidina Abbas bin Abdul Muttalib) sa-pakat untuk menganjurkan kapada diri mereka masing2 dan semua rakyat-kecil, besar, tua dan muda, untuk bertaubat memperbaiki tingkah laku, merendah diri dan berhina-dina. Lalu mereka dengan berpakaian serba sederhana sama2 menuju ka-lapangan terbuka padang pasir yang terik. Mereka bertakbir, bertasbeeh, bertahmid dan bertahlil, membesarkan, memuja dan mensucikan Allah.

Akhir-nya Saidina Abbas tampil di-tengah2 mereka, menadahkan kedua tangan ka-langit berdo'a, satu do'a yang amat

Bingkisan minggu ini

mashor: "Ya Allah Tuhan kami, sa-sunggoh-nya tidak akan turun benchana kalau tidak kerana dosa, dan tidak akan lenyap benchana itu kalau tidak dengan taubat. Seluruh rakyat sudah berhadap muka kapada-Mu dengan perantaraan-ku, kerana kedudukan-ku sa-bagai ayah saudara Nabi-Mu. Dan ini-lah tangan2 kami yang penoh berdosa, kami bukakan kapada Engkau ya Allah, dan ini pula-lah kepala kami yang penoh dengan taubat, kami tekankan kapada Engkau ya Allah. Maka perkenankan-lah oleh Engkau ya Allah menurunkan hujan bagi kami."

DO'A DI-KABOLKAN

Langsong sa-sudah do'a tersebut di-ucapkan oleh Saidina Abbas yang di-iringi oleh seluruh lapisan rakyat dengan sa-genap perasaan dan permohonan, langit kelihatan menggelam hitam, di-langit terjadi awan2 tebal merupakan gabak sa-akan2 gunung2 yang berterbangan dan berdatangan di-udara dari sa-genap penjuru. Tak lama kemudian hujan lebat turun-lah. Bumi yang kering menjadi basah. Hawa yang panas menjadi sejok. Tanaman dan tumbuhan menjadi hijau, binatang ternak berkembang-biak. Negara dan rakyat menjadi makmor, bala dan benchana lenyap entah ka-mana pergi-nya. Begitu-lah sa-buah kisah di-zaman pemerintahan Khalifah Saidina

Umar, yang mana daripada kisah tersebut dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa sa-tiap macham benchana dan kesulitan yang menimpa sa-suatu bangsa atau negara itu bila di-analisa sa-dalam2-nya, pasti berpangkal atau berpuncha daripada keingkaran dan kelupaan manusia terhadap Tuhan Pencipta-nya.

BENCHANA

Dan benchana serta kesulitan boleh di-hindarkan dengan chara bertaubat bagi orang yang bersalah dan berdosa itu. Saperti-mana ucapan Saidina Abbas, ayah saudara Rasulullah s.a.w., ia-itu "Bahawa sa-sunggoh-nya tiap2 kesalahan dan dosa, yang di-perbuat oleh rakyat dan pemimpin, para cherdek pandai, para alim ulama yang terus-menerus akan menyebabkan datang-nya bala dan benchana. Dan sa-sunggoh-nya bala dan benchana itu tidak akan hilang kalau orang2 yang bersalah dan berdosa itu tidak bertaubat."

Oleh yang demikian, mari-lah kita bertaubat ka-hadhrat Allah jika kita rasakan yang diri kita melakukan sa-suatu kesalahan atau dosa, kerana di-sini-lah lahir-nya rahsia kelancharan dan kemenangan yang di-chapai oleh Nabi Muhammad s.a.w., dan para sahabat yang Baginda tinggalkan sa-sudah Baginda wafat. Untuk itu mari-lah kita amat-amati sa-buah firman Allah s.w.t., dalam surah Al-A'raf ayat 96, yang kira2 bermaksud: "Jika-lah penduduk negeri itu beriman dan bertakwa kapada Tuhan, sa-sunggoh-nya Kami tumpahkan atas-nya keberkatan yang banyak dari langit dan dari bumi, tetapi mereka mendustakan juga, maka Kami seksa mereka di-sebabkan perbuatan mereka itu."



Perayaan Hari Keputeraan di-seluruh daerah

Dari muka 3

Sementara itu Persatuan Kebajikan Sengkunong Daerah Brunei-Muara akan mengadakan perlawanan gasing bagi kampung2, persatuan2 dan firma2 di-seluruh negeri. Borang2 boleh-lah di-dapati dari sekarang pada pengurusan pertandingan Awang Haji Mohammad Tamit bin Haji Manggol di-Pejabat Pos Brunei, Awang Asmat bin Haji Mohammad di-Bahagian Bangunan Jabatan Kerja Raya Brunei dan Haji Untong bin Abdul Rahman di-Sekolah Melayu Sengkunong. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 15hb Ogos ini.

Persembahan2 dari Persatuan Kebudayaan Sabah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 116 orang ahli Persatuan Kebudayaan Sabah termasuk sa-orang penyanyi terkenal, Flora Santos akan mengadakan beberapa persembahan pentas di-negeri ini, sa-lama sembilan hari sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun.

Rombongan yang diketuai oleh Pengarah-nya, Awang P.M. Kusardy akan membuat persembahan di-Bandar Seri Begawan sa-lama empat hari bermula 15hb. Ogos. Rombongan tersebut juga akan mengadakan persembahan yang sama di-Pekan Tutong pada 19hb. Ogos, di-Pekan Bangar pada 20hb. Ogos dan di-Kuala Belait pada 23hb. Ogos.

SA-RAMAI 10,385 orang raayat dan penduduk dari segenap lapisan masyarakat telah berketupong ka-Istana Darul Hana untuk berziarah dan menyembahkan ucapan Selamat Hari Raya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan lain2 Kerabat Diraja (gambar atas).

Istana Darul Hana telah di-buka untuk kunjungan orang ramai sa-lama tiga hari mulai Hari Raya kedua.

Jabatan Imigresen kelolakan peraduan tahun depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Imigresen, Pendaftaran Taraf Kebangsaan dan Pendaftaran Kebangsaan akan mengelolakan peraduan membaca ayat2 suci Al-Kor'an bagi anggota2 Jabatan Kerajaan Brunei beruniform tahun hadapan.

Ini telah di-putuskan di-dalam mashuarat Jawatankuasa yang Tertinggi di-bilik mashuarat, ibu pejabat Balai Bomba di-sini minggu lepas.

Peraduan bagi tahun ini telah di-kekelolakan oleh Jabatan Bomba dan pemenang musabiqah kali kelima itu, Awang Hashim bin Haji Hassan, pegawai seteshan Jabatan Bomba, telah menerima hadiah wang tunai \$700 di-samping tambang perkhidmatan bagi menunaikan fardhu Haji ka-Mekah tahun ini.

Peraduan tahunan ini di-anjarkan sa-bagai salah satu projek yang bertujuan untuk menggalakkan anggota2 Jabatan Kerajaan beruniform untuk mendekatkan diri dengan ajaran2 yang terkandung di-dalam Al-Kor'an.

GABONGKAN DIRI DALAM PERTUBOHAN2 KEBAJIKAN

TUTONG. — Orang ramai di-seru supaya menggabungkan diri mereka dalam pertubohan2 kebajikan bagi sama2 mendokong dan mengembangkan perpaduan di-kalangan rakyat. Sementara pertubohan2 kebajikan termasuk badan2 belia dan shariat2 kerjasama juga di-seru supaya terus mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap-nya sa-bagai saluran perpaduan.

Ini telah di-buat oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Hj. Badaruddin bin Pengarah Hj. Othman, sa-waktu berucap dalam perjumpaan Hari Raya Aidilfitri, anjoran Ahli2 Jawatankuasa Sementara

Kampung Bukit Panggal di-Daerah Tutong, yang telah di-adakan pada hari Isnin, 4hb. Ogos, bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Kampung Bukit Panggal.

Dalam ucapan-nya itu, beliau telah menyentuh masalah kedudukan tenaga penggerak bagi mengambil sa-barang inisiatif untuk menyatu-padukan orang ramai di-kampung2 atau di-satu2 kawasan. Masalah itu, menurut-nya, bukan-lah masalah yang sa-mata2 di-hadapi oleh kumpulan orang ramai yang kurang berpelajaran, bahkan di-hadapi juga oleh kumpulan2 yang mempunyai latar belakang pelajaran yang baik, seperti di-bandar2.

"Masalah-nya ia-lah kemahuan dan keupayaan sa-gelintir orang yang akan tampil menjadi tenaga penggerak, di-mana dalam keadaan tertentu orang2 sa-demikian amat sukar di-dapatkan disebabkan oleh sikap beribridi di-kalangan orang2 yang di-fikirkan berkeupayaan menjadi pemimpin masyarakat," kata Awang Haji Badaruddin.

"Ini-lah yang menyebabkan sa-tengah2 kumpulan orang ramai di-kawasan2 tertentu tidak dapat di-gerakkan dalam kegiatan2 yang mendatangkan faedah pada mereka dalam kawasan2 mereka," tegas-nya.

Walau bagaimana pun beliau percaya kesedaran sa-makin jelas sekarang ini di-kalangan belia2 untuk mengambil daya usaha ha menggerakkan kegiatan2 orang ramai di-kawasan masing2. Dalam hal itu, menurut-nya, ada-lah memberi harapan bagi perkembangan pergerakan2 kebajikan yang selama ini telah mengambil peranan penting dalam memenuh aspirasi orang ramai. Sebab itu-lah orang ramai perlu menggabungkan diri dalam pergerakan2 tersebut.

Perjumpaan yang di-anjarkan buat pertama kali-nya oleh ahli2 jawatankuasa sementara kampung tersebut ada-lah di-perchayai sa-bagai langkah pertama yang akan di-turuti oleh kegiatan2 kebajikan lain-nya.

Perjumpaan pada hari itu telah di-hadiri oleh kira2 200 orang penduduk2 kampung tersebut. Antara yang hadir ia-lah Ketua Kampung Bukit Panggal, Awang Haji Mohd bin Asmat, Guru2 Besar sekolah kampung itu, dan beberapa orang pegawai dari Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usah Kerajaan.



KETUA Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, sa-waktu berucap di-majlis Perjumpaan Hari Raya Aidilfitri anjoran Ahli2 Jawatankuasa Sementara Kampung Bukit Panggal (atas) dan gambar bawah kelihatan sa-bahagian dari tetamu2 yang menghadiri majlis perjumpaan hari itu.



RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 12HB. OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NATURE OF THINGS:
Towards The Sun
6.30 GODZILLA
The Breeder Beast.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY:
Mork Meets Robin Williams
6.30 SAPPHIRE AND STEEL
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 SAPPHIRE AND STEEL —
sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
7.15 B J AND THE BEAR:
"Dante's Women"
7.49 AZAN ISHA
7.53 B J AND THE BEAR —
sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 KNOTS LANDING:
Home Is For Healing
9.35 TAYANGAN GAMBAR:
"Hurry Sundown"
11.10 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 13HB. OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FABULOUS FUNNIES
6.30 SPECTRUM: Food
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 SPECTRUM — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH
CENTURY: "The Plot To Kill A
City — Bgh 1.
7.49 AZAN ISHA
7.53 BUCK ROGERS IN THE 25TH
CENTURY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 THREE'S COMPANY:
"Babysitters"
9.55 THE PROFESSIONALS:
"Untouchables"
10.45 TRAPPER JOHN:
"Greepy Time Gal"
11.30 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 14HB. OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL:
Project Z — "African Landfall"
5.30 SUPER GLOBETROTTERS:
VS ATILLA THE SUN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DR WHO: "The Armageddon
Factor" bahagian ketiga.
6.30 THE MAGIC PALACE
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 THE MAGIC PALACE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
7.15 VARIETY SHOW: Donna Sommer
7.49 AZAN ISHA
7.53 VARIETY SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 DOKUMENTARI:
"Prince Charles At The Sunshine
Lunch"
9.00 JUST FRIENDS
9.25 PERLAWANAN GUSTI
10.15 THE SWEENEY:
"Visiting Firemen"
11.00 SIARAN TAMAT.

SABTU - 15HB. OGOS

PAGI

- 7.30 PEMBUKAAN
7.45 SIARAN LANGSUNG LIPUTAN
PERBARISAN HARI KEPUTERAAN
DYMM PADUKA SERI SULTAN
DAN YANG DIPERTUAN NEGERI
BRUNEI DI-PADANG BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN.
8.45 TREASURE ISLAND
9.30 CATANOOGA CAT/SECRET
SQUIRREL
9.55 LIPUTAN UPACHARA MAJLIS
MENGADAP DI-LAPAU.

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
2.14 SUSUNAN RANCHANGAN
2.16 TAYANGAN GAMBAR
INDONESIA
3.45 BINTANG UNDANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BINTANG PILEHAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.30 BEWITCHED:
"Warlock In The Grey Flannel
Suit"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 BEWITCHED — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
7.15 MAGNUM PI
7.49 AZAN ISHA
7.53 MAGNUM PI — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI

- 9.00 KEMUNCHAK PERBARISAN DAN
MAJLIS MENGADAP SEMPENA
HARI KEPUTERAAN DYMM PA-
DUKA SERI SULTAN DAN YANG
DIPERTUAN.
10.00 DRAMA: Chabuk2 Membunga Riak
11.30 WIMBLEDON MEN'S DOUBLES
12.30 SIARAN TAMAT.

AHAD - 16HB. OGOS

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN MARI KITA
BERDO'A
2.15 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 IT'S NOW
3.05 SHANE: "Poor Tom's A Cold"
3.55 SUNSHINE
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 NEW ADVENTURES OF
SUPERMAN
5.30 VISION ON: "Time"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 RICHIE RICH
6.30 CHILDREN'S SHORT STORIES:
"My Father Sun-Sun Johnson"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 CHILDREN'S SHORT STORIES
— sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK
7.48 AZAN ISHA
7.52 THE INCREDIBLE HULK —
sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 BUTTERFLIES
9.00 CULTURAL DANCE
9.30 THE SANDBAGGERS:
Unusual Approach
10.20 THE BIG VALLEY:
"Image of Yesterday"
11.10 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 17HB. OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME

RANCHANGAN TVP 17HB. HINGGA 22HB. OGOS 1981

ISNIN - 17HB OGOS

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 413.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah
dan anak2 akan membuat aktiviti2
seperti MAIN KUDA, HALAMAN
MENGAJAR, KATA SI-MANIS, PE-
TI SURAT, MENYANYI dan CHER-
MIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP
UDANG 413.

SELASA - 18HB OGOS

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 414.
Ranchangan ini di-muati dengan ak-
tiviti2 seperti RUANGAN BERLA-
KUN, AMIN, SI-MANIS, MAIN BA-
KUL, HALAMAN MENGAJAR,
GAMBAR DAN SEBUTAN dan
CHERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP
UDANG 414.

RABU - 19HB OGOS

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 415.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah

dan anak2 akan membuat aktiviti2
seperti BOLA TUMBOK, YANG
MANA GANJIL, TUNJOK BENDA,
MAIN BOLA, HALAMAN MENGA-
JAR dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP
UDANG 415.

KHAMIS - 20HB OGOS

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 416.

Ranchangan ini di-muati dengan ak-
tiviti2 seperti IKUT KETUA, LIHAT
DAN PERHATI, HALAMAN BE-
LAJAR, BERSENA, HALAMAN
BERCHERITA dan CHERMIN SAK-
TI.

Tajok cerita Che'gu Rokiah ia-lah
KANCHIL DENGAN HARIMAU.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP
UDANG 416.

JUMAAT - 21HB OGOS

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan ini di-muati dengan ak-
tiviti2 seperti IKUT KETUA, AMI-

NAH, MAIN KERUSI, CHARI
BENDA YANG TERSEMBUNYI dan
CHERMIN SAKTI.

SABTU - 22HB OGOS

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 417.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah
dan anak2 akan membuat aktiviti2
seperti MAIN MUSIK, AMINAH,
HALAMAN MENGAJAR, PAPAN
HIKMAT, HALAMAN MENYANYI
dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP
UDANG 417.

AHAD - 23HB OGOS

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah
dan anak2 akan membuat aktiviti2
seperti MAIN BAKUL, TEKA
BENDA, AMINAH, MAIN BOLA,
BERCHERITA dan CHERMIN SAK-
TI.
Tajok cerita Che'gu Rokiah hari ini
ia-lah KANCHIL DENGAN GAJAH.



Benar-kah kechachatan puncha keretakan rumah tangga?

MINGGU ini penulis Sandiwar Radio Awang Haji Tengah akan memaparkan kesah kehidupan dalam sa-buah rumah tangga yang penuh dengan masalah2 disebabkan sa-suatunya perkara yang tidak diduga dalam kehidupan mereka, sa-telah menjalani beberapa ketika hidup berumah tangga. Walau pun cinta asmara yang mendalam telah mendorong mereka untuk terus membina mahligai yang bahagia itu.

Watak Mona dalam cerita MENITI BUIH BERMAINKAN OMBAK ini ingin membuktikan bagaimana-kah kesetiaan sa-orang isteri terhadap suami (Kifli) yang telah menderita dzahir dan batin akibat penyakit lumpuh yang telah menimpanya itu.

Namun Kifli tidak menyesali akan apa juga yang

di-hadapi-nya, meski pun diri-nya sendiri menghadapi inferiority complex dalam menempoh perjalanan hidup-nya.

Atas beberapa dorongan, bantuan dan perangsang dari rakan2 sa-perjuangan-nya yang lalu (Ruby dan Hashim) dapat menguatkan lagi semangat Kifli untuk terus hidup di-dunia ini.

Berjaya-kah Kifli untuk terus meneroka liku2 hidup yang di-tempoh-nya dalam penderitaan itu? Apa-kah pula tindakan Mona terhadap sa-orang suami yang malang? Bagaimana-kah reaksi mertua Kifli (Mak Esah)?

Untuk lebeh mengetahui kesah ini selanjut-nya, awda jangan lupa untuk mengikuti siaran-nya yang akan ka-udara pada hari Ahad 16hb Ogos, 1981, jam 12.00 tengah hari terbitan Zaini Md Yusof.

SUDAH tentu orang akan menchemehkan saja renchana ini jika ia di-beri tajok BAGAIMANA HENDAK BERCHAKAP, kerana yang membaca renchana renkas ini bukan saja bijak berchakap atau bertutor tetapi ada yang sanggup berpidatu dan berdebat berjam-jam lama-nya. Mungkin pula ada yang menganggap terus bahawa renchana kelas tiga ini hendak mengajar itek berenang.

Sa-belum ada orang mengambil kesimpulan sampai ka-sana, mari-lah kita dulu merenung sa-jenak bagaimana sa-benarnya manusia itu berchakap. Mereka berchakap tidak sama dari masa ka-masa dan dari peristiwa ka-peristiwa. Gaya dan nada manusia berchakap

di-pasar tidak sama dengan sa-orang guru yang mengajar di-bilek darjah. Sa-orang petani berchakap di-ladang tidak sama dengan sa-orang kerani berchakap di-pejabat. Sa-orang pesakit berchakap tidak sama gaya-nya dengan sa-orang ahli pidatu. Gaya sa-orang yang marah berchakap tidak sama dengan gaya sa-orang yang sedang memujuk. Dari tutor kata sa-seorang yang berchakap itu kita dapat mengetahui si-apa dia dan bagaimana rasa hati-nya ketika itu.


Bagaimana sa-harus-nya kita berchakap di-radio? Sa-belum soal ini terjawab ada dua chara biasa yang sering terdapat sekarang ini. Pertama orang berpendapat kita mesti berchakap selaju mana yang boleh. Kerana 'konon-nya' di-sini-lah letak-nya kepi-

tahan, kefasihan dan kebolehan berchakap. Dan kedua orang paling bangga menggunakan perkataan2 yang di-bongkar dari dalam kamus yang hanya dia dan si-tukang buat kamus sahaja yang memahaminya. Kerana orang berpendapat dalam dua chara itu tadi terletak nilai2 'intellectual' dengan tidak memperhitungkan siapa pendengar yang di-tujukan uchapannya itu ada-kah mereka buroh, petani atau orang kampung.

Satu perkara lagi yang tidak kurang juga kedapatan ia-lah orang lupa bahawa dia sedang berchakap di-radio bukan sedang memberi pidatu di-khalayak ramai yang suara bukan sahaja harus di-keras2kan tetapi mesti di-tambah lagi dengan penibesar suara. Ini ada-lah berlain

sekali bila berchakap di-radio kerana yang sedang mendengar orang berchakap di-radio itu ia-lah pendengar2 yang memerlukan ketenangan dan relaxation. Dan apa-kah kita mesti berchakap menjerit2 kepada orang yang menchari ketenangan di-bilek tamu, di-bilek tidur atau di-dalam kereta.

Kesimpulan dari renchana renkas ini ia-lah bagaimana kita hendak berchakap di-radio? Jawapannya ia-lah, kita harus memperhitungkan lebeh dulu kepada siapa kita hendak berchakap? Dar kemudian berchakap-lah dengan bahasa yang difahami oleh orang2 itu. Insha Allah, apa yang hendak kita sampaikan kepada mereka dapat diterima mereka dengan baik.



SA-TIAP Sandiwar, sama ada purba dan drama moden, sa-belum rakaman di-jalankan, terlebih dulu di-adakan latehan untuk menyesuaikan watak masing2, supaya rakaman yang akan di-jalankan lancar dan bermutu.

Kelihatan dalam gambar, tiga orang pelakon drama moden, Soima Mahmud, Mady Haji Sulaiman dan Malek Awang Tengah melakunkan drama moden di-Studio A RTB.

Drama Talivishen : 'Chabok2 Membunga Riak'

Oleh: A. Mahad

BIAR pun chabuk2 (sa-jenis alat mendapatkan ayer di-buat daripada tempurong kelapa) tidak di-hargai lagi oleh kebanyakan orang di-aman ini, tetapi benda ini merupakan salah satu alat keperluan hidup terutama bagi penduduk2 di-Kampung Ayer, di-zaman silam.

Orang2 yang hidup yang dapat mengenang kembali zaman silam tentu dapat merasakan bagaimana chabuk2 di-gunakan untuk mengambil ayer, berkochak dan seterusnya membunga riak.

Dari chantuman perkataan 'Chabuk2 Membunga Riak' ini-lah menjadi ilham bagi penulis A. Mahad Brunei untuk tajok sa-buah drama talivishen, arahan dan terbitan Awg

Mady Haji Sulaiman.


Drama ini mengesahkan pergolakan hidup yang berkisar dalam satu keluarga yang diam di-Kampung Ayer menjadi pokok persoalan bagi Pak Bakir (Rajab Talib) sa-orang ayah yang tidak mudah di-pengaruhi oleh kebendaan. Dia berpendapat ada kala-nya benda yang lama dan usang itu lebeh indah dan lebeh berharga daripada benda2 baru sekali pun ia-nya merupakan sabiji chabuk2.

Pendapat Pak Bakir selalu saja mendapat tentangan dari anak2-nya Ali (Abdul Rahman Haji Salat) dan Mimah (Norhaini Haji Mohiddin) yang berpendidikan dari Barat. Kedua2 anak Pak Bakir ini chuba mengubah chara hidup di-Kampung Ayer

dengan memulakan penghidupan baru di-tanah dataran. Tetapi chita2 mereka mendapat tentangan pula dari abang-nya Kiman (Ali Metussin) yang sama sependapat dengan ayah-nya.


Bagaimana-kah akhirnya pergolakan dan pertentangan pendapat satu keluarga ini. Jangan lupa mengikuti kesah selanjutnya drama 'Chabuk2 Membunga Riak' pada 15hb Ogos 1981 sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan.

Drama ini akan membariskan para pelakon terdiri dari Kalsom Limat, Abdul Ghafar Jumat dan Murni Haji Latif.



ADIGAN dari tayangan gambar 'KATHERINE' yang akan di-tayangkan pada hari Selasa depan.

KELUARAN KHAS: SEMPENA MEMPERINGATI HARI KEPUTERAAN KEBAWAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN YANG KE-35 TAHUN



MENJALIN HUBONGAN MUHIBBAH ANTARA BRUNEI DAN NEGARA2 JIRAN

BENTOK dasar hubungan luar Brunei semakin terserlah jelas apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

oleh: Haji Ahmad Arshad

Yang Dipertuan, Sir Muda Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah men-chipta beberapa lembaran baru dalam chatetan sejarah negara. Keputusan yang di-ambil Baginda supaya

Brunei menghadhirkkan diri sa-bagai pemerhati di-Persidangan Tahunan Menteri2 Luar ASEAN yang berlangsung di-Manila dalam bulan Jun lepas telah menarik perhatian negara2 luar terutama sekali kalangan kerabat ASEAN sendiri.

Berikutan dengan itu, timbul harapan2 sa-ragam dari pemimpin2 ASEAN agar Brunei akan menjadi anggota baru dalam pertubuhan sa-rantau itu.

RASA OPTIMIS

Bagaimana pun, ketentuan belum dapat di-berikan oleh Brunei sa-hingga sa-lepas kemerdekaan-nya nanti sama ada menyertai pertubuhan negara2 sa-rantau yang menetek-beratkan kerjasama di-bidang ekonomi, kebudayaan dan pelajaran itu atau sebak-nya. Walau pun demikian kenyataan-nya, anggota2 dalam ASEAN merasa optimis yang Brunei akan menjadi anggota dalam pertubuhan itu memandangkan kepada kepentingan2 sa-rantau. Rasa optimis ini di-suarkan oleh akhbar2 dan salah sa-buah akhbar yang terkemuka di-Malaysia menyarankan bahawa penyertaan Brunei dalam pertubuhan lima negara ASEAN akan bukan saja memperkukuhkan pertubuhan itu, tetapi juga akan menambahkan kestabilan sa-rantau. Kehadiran Brunei dalam sidang MENLU ASEAN di-Manila sa-bagai pemerhati di-bayangkan sa-bagai memperlihatkan minat Brunei bagi menyertai pertubuhan yang telah memainkan peranan-nya sejak penubuhan-nya 14 tahun lalu sa-bagai satu kuasa yang terpaksa di-iktiraf dalam pergolakan sa-rantau dan antarabangsa.

Dalam sidang Menteri2 Luar ASEAN di-Manila, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol

SELAKU pemimpin tertinggi dalam pasukan2 Pengawal Keamanan, Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menumpukan minat yang besar dalam mengukuhkan bidang kawalan keamanan dan ketenteraman yang menjamin keutuhan suasana aman lagi makmor.

Himmah Wal-Waqar yang mengetuai rombongan Brunei sa-bagai pemerhati di-sidang itu telah melafadkan sabda pertama dengan mengumumkan bahawa Brunei mungkin akan menimbang untuk menjadi sa-buah anggota ASEAN sa-lepas menchapai kemerdekaan pada tahun 1984.

Bersabda di-hari pembukaan persidangan itu, Yang Teramat Mulia itu antara lain menekankan bahawa Brunei tidak dapat memisahkan diri-nya dari perkembangan di-rantau ini.

HUBONGAN BAIK

"Kami menyedari bahawa Brunei tidak dapat di-pisahkan dari perkembangan di-rantau ini dan lain2 yang melibatkan kami di-Asia Tenggara, kami memerlukan hubungan baik dengan jiran2 kami berasaskan saling menghormati kedaulatan, kemerdekaan dan keutuhan wilayah negara satu sama lain," demikian bunyi-nya antara kandungan sabda pertama di-sidang itu.

Dalam sidang itu, Brunei juga menyuarakan rasa kegembiraan kerana dapat menyertai-nya sa-bagai pemerhati dan menyatakan keinginan untuk menimbang soal keanggotaan dalam ASEAN sa-telah menchapai kemerdekaan, memman-

dangkan jalinan persahabatan yang telah di-hulurkan kepada Brunei oleh sa-tiap negara anggota ASEAN.

Atas dorongan dan pegangan kepada dasar berbaik2 dan hormat-menghormati, Brunei telah membuktikan keinginan itu dengan rasa jujur dan ikhlas apabila keberangkatan rasmi atau separoh rasmi atau privet kanegara2 jiran di-lakukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan baru2 ini.

Bendera Negara berkibar megah dan mensejajarkan diri dalam desiran bayu, sama tinggi dengan lambang kemegahan negara2 sa-rantau, Asia Pasifik dan Eropah — mengenalkan warna diraja dan suasana harmoni negara lagi darussalam. Dengan kibaran bendera negara di-rantau orang di-tambah pula dengan sambutan hormat yang mengukir kenangan abadi terhadap Baginda Yang Dipertuan Negeri Brunei, keyakinan dan kemegahan rakyat Brunei terhadap prestasi diri dan keupayaan diri semakin bertambah kukuh.

Langkah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan meneroka suasana baru dalam tahun 1980-1981 ini dengan keberangkatan Baginda ka-negara2 jiran di-junjung tinggi oleh rakyat dan penduduk Brunei. Ini ada-lah menunjukkan betapa keinginan Baginda untuk memperteguhkan amalan berbaik2 dengan negara2 jiran, khas-nya yang jujur, hormat-menghormati dan saling memahami antara satu sama lain.

Lihat muka 10



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-alu2kan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia ketika Baginda berangkat ka-Kuala Lumpur sa-chara rasmi. D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan yang juga menyertai rombongan itu kelihatan sedang berbual2 sengkat dengan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dato Hussein Onn. Gambar ini merakamkan suasana kemesraan.



Y.A.B. Perdana Menteri Singapura, Awang Lee Kuan Yew dengan barisan menteri2 kabinet-nya menjunjung tinggi atas keberangkatan Baginda ka-republik itu.

KELUARAN KHAS: SEMPENA MEMPERINGATI HARI KEPUTERAAN KEBAWAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN YANG KE-35 TAHUN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia tidak mengabaikan dari menumpukan minat yang besar dalam hal ehwal kebajikan rakyat Baginda dan kelichinan pentadbiran negara.



KETIKA Baginda berangkat ka-Muzium dalam siri keberangkatan Baginda ka-Jabatan Kerajaan.

PERMAINAN Polo ada-lah satu2-nya bidang sokan yang paling di-minati Baginda dan adinda2 Baginda. Dengan ketangkasan Baginda bermain polo tidak saja memperlihatkan Baginda sa-bagai sa-orang Raja yang chekap, malah kegemaran Baginda itu ternyata mem-buahkan hasil yang besar di-peringkat kenegaraan bilamana ia-nya dapat menarek minat negara2 sahabat sama ada di-dalam mahu pun di-luar Asean. Kegemaran Baginda ini telah dapat menjalin dan mengeratkan persaudaraan dan persahabatan antara Brunei dan Malaysia khas-nya.



KETIKA Baginda berangkat menyaksikan kegiatan2 di-Jabatan Pulis Diraja Brunei.

Mengetarakan hasrat berjiran dalam serba kemurnian

Dari muka 9

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, mewakili Yang Teramat Mulia Wazir2 dan Yang Amat Mulia Cheteria2 serta seluruh rakyat dan penduduk negeri ini, dalam Istiadat Mengadap di-Lapau tahun lepas menyebarkan rasa menjunjung tinggi terhadap langkah Baginda berangkat ka-negara2 jiran itu.

Dalam bulan Januari, 1980, Baginda berchemarduli ka-Singapura sa-chara rasmi dimana Baginda dan rombongan di-alu2kan dan di-junjong dengan penuh kebesaran negara. Dalam siri keberangkatan itu, tidak saja Baginda di-junjong ka-sekitar perkembangan republik itu, tetapi juga telah menyentoh berbagai aspek kepentingan sa-rantau dan juga sumbangan2 antara kedua pehak dalam soal2 perkembangan kemajuan negara.

Hubungan antara Brunei dan Singapura telah lama ter-

jalin dan di-perkukuhkan lagi melalui bidang2 kegiatan ekonomi, pelajaran, perubatan dan latehan2 berbagai bidang kerjaya. Kedua2 buah negara saling bantu-membantu untuk perkembangan kemajuan masing2 dalam bidang2 yang tertentu.

KA-INDONESIA

Dalam niat untuk menjalin hubungan persahabatan dengan negara2 jiran itu, maka dalam bulan April yang baru lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan enengetuai satu rombongan berangkat ka-Indonesia dalam satu lawatan yang disebut oleh rombongan itu sebagai "privet".

Sungguh pun ia di-anggap privet, tetapi Indonesia meng-anggap-nya sa-bagai satu keberangkatan Diraja Brunei yang penting bukan saja kerana keberangkatan Baginda yang pertama ka-Indonesia, akan tetapi ia-nya lebeh merupakan satu pembukaan lembaran sejarah persahabatan yang berma'ana untuk mengukobkan kedudukan berjiran

yang telah dapat memper-temukan pemimpin2 negara itu dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri.

Di-sepanjang berada di-Indonesia itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia terpaksa memperuntukkan waktu2 yang khas untuk memperkenankan undangan2 menjunjong Baginda ka-beberapa perjumpaan yang bentuk-nya lebeh merupakan perjumpaan perengkat negara walau pun Baginda hanya membuat keberangkatan ka-sana sa-chara privet. Di-ketuai oleh Presiden Suharto, pemimpin2 tertinggi Indonesia bertukar2 bual dengan Baginda dan suasana di-ketika ini, seperti di-bayangkan dalam akhbar2 dan TV, ada-lah penuh dengan keharmonian dan kemesraan. Ini menunjokkan bahawa niat Baginda yang murni untuk menjalin persahabatan itu ternyata mem-buahkan hasil yang amat mem-banggakan.

HUBONGAN LAMA

Malaysia yang memang sudah mempunyai hubungan2 sejak lama dengan Brunei telah mengadakan sambutan



KELUARAN KHAS: SEMPENA MEMPERINGATI HARI KEPUTERAAN KEBAWAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN YANG KE-35 TAHUN

TINJAU JABATAN2 KERAJAAN

Dari muka 10

khas terhadap Keberangkatan Baginda ka-sana dalam tahun pas walau pun negara itu sebek mengadakan persiapan2 untuk Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agongnya.

Sa-lepas ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sekali lagi berangkat ka-Malaysia dalam bulan Jun lepas untuk menghadiri Istiadat Perkahwinan Diraja ia-itu perkahwinan Puteri Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

Di-sepanjang bulan2 yang telah di-lalui dalam tahun 1981 ini ada-lah banyak menempah kesejukan bagi Baginda dengan tugas2 negara yang tidak saja termasuk berangkat ka-London untuk membuat tinjauan2 khas untuk

mengukuhkan pentadbiran negara, bahkan juga kegiatan2 dalam negeri yang sa-olah2 tidak memberikan peluang bagi Baginda untuk berehat dan menggunakan masa lapang yang panjang.

Bermula dari 2hb Februari hingga awal Julai lepas, Baginda Yang Dipertuan berangkat berchemar duli ka-seluruh Jabatan2 Kerajaan Baginda untuk meninjau sa-chara dekat perkembangan2 dan kemajuan2 pentadbiran jabatan2 tersebut yang di-dorong oleh hasrat bagi melahirkan suatu mutu kecekapan pentadbiran yang di-kehendaki dan di-perlukan oleh negara yang akan mencapai kemerdekaan-nya dalam tahun 1984 ini.

LANGKAH BAGINDA

Berikutan dengan langkah Baginda ini, tidak shak lagi ia-nya ada-lah merupakan do-

rongan yang paling berkesan kepada jabatan2 Kerajaan dalam memperbaiki dan melipat-gandakan usaha2 dan tugas2 pentadbiran masing2 yang tidak saja keindahan2 lokasi pejabat, tetapi yang penting ialah kelichinan dan kecekapan melaksanakan tugas masing2.

Langkah Baginda untuk menysikan suatu mutu pentadbiran yang cekap lagi berkesan itu amat menarek perhatian seluruh raayat jelata yang sama2 menginginkan praktik-nya mutu perkhidmatan yang cekap dan tangkas, jujur lagi ikhlas terutama-nya terhadap pelaksanaan projek2 pembangunan negara.

Semoga Allah akan terus memberikan taufik dan hidayah-Nya kepada Baginda bagi kesejahteraan Brunei hingga ka-akhir zaman. Amin!



DENGAN Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri di-samping Baginda, dari Singgahsana Lapau, Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, sa-tiap tahun melafadzkan titah yang sentiasa membayangkan pandangan Baginda yang luas untuk kesejahteraan negara.

KEBAJIKAN RAAYAT DI-MATAI SA-TIAP DETIK

SALAIN dari perkembangan2 dan pembangunan negara dalam berbagai aspek, seperti kemajuan dalam bidang pelajaran dan pendidikan, ekonomi dan lain2, salah satu sudut di-mana usaha2 kerajaan untuk memeduli kepentingan raayat ia-lah melalui perkhidmatan di-bidang kebajikan.

BANTUAN

Nyata-nya bantuan bu-lanan kepada orang2 yang susah termasuk balu2 dan bantuan tahunan kepada Persatuan2 dan Badan2 di-negeri ini, meyakinkan kita tentang ada-nya usaha2 kerajaan dalam memeduli hal-ehwal raayat.

Sa-belum bantuan diberikan, penyiasatan di-serata kampong2 dan bandar serta daerah2 pendalaman di-seluruh negeri lebeh dahulu di-lakukan, khusus bagi mendapatkan keterangan mengenai dengan orang2 yang berkehendakkan bantuan dan

orang2 yang telah menerima bantuan. Penyiasatan tiap2 empat bulan sekali ada-lah perlu ka-atas mereka yang telah menerima bantuan.

Bantuan dari pihak Kerajaan tidak terhad bagi mereka yang telah sedia di-daftarkan malah juga di-uruskan bagi mereka yang di-timpa malang akibat bencana alam seperti banjir dan kebakaran.

Dalam keadaan itu, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan telah bertindak membantu mangsa2 yang terlibat dengan mengejar kan barang2 makanan dan keperluan tertentu, terutama bagi penduduk2 di-kawasan2 pendalaman.

BERSATU PADU

Sa-lain dari bantuan dari pihak2 kerajaan, kita yang tinggal di-bumi bertuah ini sungguh sangat beruntung kerana hidup dengan masyarakat yang bertimbang rasa, mempunyai rasa simpati dan rela

pula menyumbangkan tenaga. Bantuan, baik dari segi kewangan dan tenaga yang di-hulor oleh masyarakat kita, jelas membuktikan ada-nya semangat bersatu padu dan faham-memahami di-kalangan orang2 kita.

KEBAKARAN

Kebakaran yang berlaku di-Kampong Sultan Lama di-Kampong Ayer pada 6hb. Februari lalu, menyebabkan tertubohnya sa-buah badan bagi menyelaraskan soal2 bantuan kepada mangsa2 kebakaran, dalam mana Pengerah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein telah di-lantek sa-bagai Pengerusi badan itu.

Dan dalam pada itu, kita tidak pula melupai akan usaha2 pihak kebajikan dalam mengerakkan rancangan sambutan Tahun Antarabangsa Orang2 Cha-

chat, yang di-istiharkan oleh Pertubohan Bangsa2 Bersatu. Khusus bagi orang2 chachat di-negeri kita, beberapa acara sambutan telah dan akan di-adakan, sa-hingga ka-akhir tahun ini.

ORANG2 CHACHAT

Achra2 sambutan Tahun Antarabangsa Orang2 Chachat di-sepanjang tahun 1981 ini ada-lah bertujuan bagi menimbulkan kesedaran di-kalangan orang ramai supaya tampil ka-hadapan dan melibatkan diri dalam usaha2 pemulehan dan pertolongan kepada orang2 chachat dan menerima mereka sa-bagai sa-bahagian daripada anggota masyarakat.

Achra2 sambutan telah di-usahakan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, dengan kerjasama lain2 Jabatan Kerajaan.

Sa-lain dari jabatan2 kerajaan, orang ramai dan firma2 juga telah me-

nyahut seruan kerajaan dalam mengusahakan sa-barang pertolongan dan kebajikan kepada orang2 chachat. Sumbangan kewangan juga tidak ketinggalan bagi memenohi tabong derma orang2 chachat.

Begitu-lah usaha bagi

kesejahteraan rakyat itu terus menerus di-lakukan, yang mana ia-nya akan membuahkan satu masyarakat yang harmoni, hidup bersatu padu, tanpa mengasingkan yang kurang dan sa-terus-nya membiarkan mereka itu hidup melarat.



PENASEHAT Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa sedang bersalaman dengan salah sa-orang pesakit dalam satu majlis Pelancaran Sambutan Tahun Antarabangsa Bagi Orang2 Chachat.



SA-BAHAGIAN dari rumah2 di-Mukim Kuala Balai yang di-landa banjir di-pertengahan bulan Januari lalu. Ayer di-kawasan ini naik dari tiga hingga empat kaki dari paras lantai.



INI-LAH keadaan Kampong Sultan Lama dalam satu kebakaran yang besar yang terjadi dalam bulan Februari tahun ini. Api telah meranapkan lebeh dari 70 buah rumah di-kampong tersebut.

KELUARAN KHAS: SEMPENA MEMPERINGATI HARI KEPUTERAAN KEBAWAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN YANG KE-35 TAHUN

Langkah mendirikan lebih banyak lagi pusat2 pengajian agama di samping mendirikan beberapa buah masjid terus dilaksanakan dan untuk lebih mengesankan lagi penyiaran Islam kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Bahagian Penerangan dan Tabliq Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei sedang mengator beberapa rancangan untuk diimplemantasikan.

Sayugia juga agar tidak di-salah mengerti, sungguh pun kerajaan mengalu2kan ramainya pendaatang baru Islam tetapi pengislaman yang di-lakukan di-negeri ini bukan-lah di-lakukan sahara paksa kerana dalam perlembagaan-nya sendiri kerajaan memberi kebebasan beragama kepada semua penduduk dan pengikut2 ugama lain ada-lah di-beri kebebasan untuk mengamalkan ugama mereka.

PENYIBARAN

Namun begitu selaku sa-buah negara Islam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-bagai pemimpin berasa berkewajipan untuk terus memberi mandat kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama sa-bagai salah satu jentera pentadbiran negara untuk terus giat menyebarkan Islam kepada penduduk negeri ini.

Kalau dulu penyiaran Islam kebanyakan-nya hanya-lah bertiti dari sa-orang individu kepada individu lain di-samping faktor2 lain seperti perkahwinan, tetapi selaras dengan keadaan masa sekarang Jabatan Hal Ehwal Ugama melalui bahagian penerangan dan tabliq-nya telah dapat menyebarkan ajaran Islam sa-luas2-nya dengan chara yang lebih sesuai dan berkesan.

Dalam melaksanakan fungsi-nya Bahagian Dakwah dan Tabliq Jabatan Hal Ehwal Ugama di-kemaskan dengan beberapa bahagian atau unit penggerak yang mana termasuk-lah unit lawatan tabliq, unit karang-mengarang, unit penerangan dan tabliq daerah2 dan unit radio dan talivishen yang mana telah banyak membantu dan memudahkan bahagian tersebut dalam mempercepatkan tugas2 mereka.

Unit utama dalam bahagian ini ia-lah unit lawatan di-mana dalam menjalankan tugas-nya pegawai2 dalam unit ini melakukan lawatan kampong2 dan yang paling kerap sekali ia-lah kampong2 yang terpilih di-seluruh negeri ini. Untuk lebih menarek perhatian ramai, rombongan ini biasa-nya melakukan lawatan bersama unit tayangan gambar.

Kedua2 rombongan ini biasa-nya berhimpun di suatu tempat yang sesuai seperti balai2 raya, rumah2 penghulu dan sa-bagai-nya yang biasa-nya menjadi tempat perhimpunan yang senang di-datangi. Rombongan yang bertugas untuk menyampaikan sharahan dan penerangan ugama itu sungoh mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari penduduk2 kampong yang berkenaan.

MENGANUT

Usaha yang telah di-jayakan oleh bahagian tersebut, Alhamdulillah banyak memberi faedah apabila ia-nya bukan sahaja dapat menarek perhatian kaum2 lain untuk menerima dan menghormati Islam malah ramai bilangan mereka dengan sukrela telah mengalah keperchayaan lama mereka dan menganut Ugama Islam.

DAKWAH TERUS PESAT BERSAMA PEMBANGUNAN NEGARA

Oleh :
Ak. Hidup H.S.

Ini di-jelaskan dalam perangkaan tahunan yang di-keluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama di-mana peratus keramaian yang memelok Ugama Islam meningkat dari tahun ka-setahun.

Dalam usaha dakwah yang sedang di-pergiatkan, gerakan pehak yang berkenaan bukan hanya tertumpu semata2 untuk menyeru mereka yang belum mengenali Islam, tapi juga terus menyempurnakan serta mengukuhkan keyakinan yang sedia ada di kalangan umat Islam di negeri ini.

SEBARAN AM

Dalam soal ini peranan sebaran am kerajaan seperti akhbar rasmi dan Perkhidmatan Radio dan Talivishen terus memberikan kerjasama-nya dengan menguntokkan beberapa ruangan dan rancangan2 berchorak ugama. Antara rancangan2 yang telah pun lama berjalan melalui perkhidmatan2 yang di-di-sebutkan termasuk-lah rancangan cheramah ugama, tafsir Al-Kor'an, bacaan Al-Kor'an, kesimpulan makna Al-Kor'an dan pada mawajih negeri ini dengan chorak Islam yang sejati perkhidmatan tersebut sa-tiap hari menyiarkan Azan yang menandakan waktu2 untuk menunaikan sembahyang2 fardhu.

Pendek kata sa-tiap

saat kita sering di-seru dengan laungan2 untuk terus menerus mengabdikan diri kepada Allah di-samping memperjuangkan kepentingan diri dan keluarga demi membantu mengekalkan keamanan dan kedamaian hidup yang telah di-nekmatkan Allah kepada kita.

Untuk meresapkan lagi pengajaran Islam di-kalangan penganut2-nya terutama di-kalangan belia2, baru2 ini Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menjalankan rancangan kuliah ugama yang mengandongi cheramah2 untuk membimbing para belia dan beliawanis dalam melakukan ibadat dengan lebih sempurna.

Inisiatif yang di-jalankan oleh jabatan tersebut bukan sahaja telah mendapat sambutan daripada para belia malah juga oleh penduduk2 kampong dan tidak shak lagi ini ada-lah satu petanda yang membanggakan di-mana semangat beragama yang telah sedia ada sentiasa di-pupok dan kian menyubor di semua peringkat masyarakat.

CHERAMAH2

Lebih daripada itu terdapat persatuan belia yang bergerak di-negeri ini di-samping giat mengadakan majlis2 yang berchorak keugamaan dengan mengundang penceramah2 yang terkenal di-negeri ini, juga berusaha mengambil kesempatan yang tertentu dalam menggali dengan lebih dalam lagi penerangan Islamiah. Misal-nya jika ada pendakwah luar negeri yang datang sahara rasmi dan tidak rasmi persatuan akan meminta kepada mubaliq tersebut untuk



AWANG Osman bin Abdullah, salah sa-orang peserta qari dalam peraduan Al-Kor'an bagi orang2 muallaf Temburong.

meluahkan masa menyampaikan cheramah dengan menjemput sesiapa yang berminat untuk menghadhiri-nya. Usaha tersebut juga terus mendapat sambutan malah pendakwah yang di-undang itu sendiri menyuarakan ke-guman-nya di atas sambutan yang di-tunjukkan oleh belia2 Islam di-sini.

Di-samping gigit mengusahakan langkah2 untuk menyemarakkan lagi semangat ke-Islaman di-kalangan yang memang berketurunan Islam terutama para belia, bagaimanakah perhatian Jabatan Hal Ehwal Ugama kepada penganut2 baru Islam atau golongan Muallaf?

Sudah tentu sa-orang yang berpindah daripada alam yang biasa bagi-nya kepada suatu alam baru memang menampoh kekekakan dan akan mudah terumbang ambing kalau tidak di-pandu dan di-bimbing. Bagi memanohi kehendak demi untuk menjamin kepentingan orang2 muallaf melalui satu bahagian yang khas jabatan juga melancarkan usaha pemeliharaan bagi orang2 muallaf.

Bahagian yang di-sebut itu ada-lah berkait langsung un-

tok memberikan didekan chara Islam kepada golongan muallaf itu dan untuk mereka beberapa guru2 ugama dan sekolah2 khas untuk memberi pelajaran ugama telah di-tubuhkan di-seluruh negeri.

Penerimaan Islam di-kalangan muallaf bukan-lah semata2 pada sebutan sahaja, kerana untuk melengkapkan diri, mereka tidak kurang giat melakukan apa sahaja yang boleh menjadikan mereka sentiasa berjinak dengan kegiatan2 ugama di-samping usaha2 yang di-lakukan oleh jabatan Hal Ehwal Ugama.


MUALLAF

Para muallaf di-seluruh daerah mempunyai persatuan masing2 dan melalui persatuan2 mereka-lah segala rupa kegiatan yang berunsurkan pembentokan peribadi Islam dapat mereka pupok bersama. Misal-nya tahun ini satu rombongan yang terdiri daripada orang2 muallaf Daerah Belait telah mengadakan lawatan ka-Daerah Temburong dan mereka telah menjadi tetamu Bahagian Penerangan dan Tabliq dan Persatuan Orang2 Muallaf Temburong.

Lihat muka 15



KELIHATAN sa-bahagian daripada orang2 muallaf yang menunjukkan sambutan mereka dalam Peraduan Membaca Al-Kor'an bagi Orang2 Muallaf Daerah Temburong. Di-hadapan, kelihatan Ketua Pegawai Kebajikan, Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris.



SALAH sa-orang pemenang qariah dalam peraduan Al-Kor'an bagi orang2 muallaf menerima hadiah yang di-sampaikan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

**KELUARAN KHAS:
SEMPENA MEMPERINGATI HARI KEPUTERAAN KEBAWAH D.Y.M.M.
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN
YANG KE-35 TAHUN**

DAERAH BELAIT

*Penduduk-nya
tetap merasai
kenekmatan
pembangunan
oleh kerajaan
Baginda*

Oleh: Shadoon Lamzi

KESEMPURNAAN pembangunan sa-sebuah daerah, tidak dapat disangkal lagi, ada-lah bergantung kepada daya pimpinan pegawai daerah-nya di-samping "participation" sa-chara total ka-kitangan2 kerajaan yang berkenaan, penghulu2, ketua2 kampung serta ketua2 rumah panjang yang di-lantek oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Ada-lah tidak wajar jika penghakiman yang berkaitan dengan pembangunan ini di-beratkan kepada pembangunan2 "material" sahaja dengan mengenyakan pembangunan2 moral atau pun dengan melakangkan bentok2 sosial rakyat yang hidup di-dalam-nya.

PIMPINAN

Kita tentu sekali merasa bersyukur kerana kehidupan kita di-Daerah Belait seperti kehidupan di-daerah2 lain-nya tetap di-dalam keadaan yang aman lagi mengembirakan. Tahun demi tahun berlalu namun suasana hidup, di-bawah kementerian pembangunan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, tetap dapat kita kekalkan—pokok-nya kita tetap merasai kenekmatan pembangunan kedua-dua "moral dan material" yang di-unggayahkan oleh Kerajaan Baginda.

Daerah Belait yang mempunyai kawasan 1,052 batu persegi ini mempunyai penduduk lebih daripada 50,000 orang. Kita mempunyai lebih kurang sa-jumlah 32 orang penghulu2, ketua2 kampung dan ketua2 rumah panjang yang di-lantek oleh Kerajaan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

HADAPKAN


Kehadiran sa-tiap penghulu, ketua2 kampung atau pun ketua2 rumah panjang di-dalam sa-tiap kelompok masyarakat, di-dalam sa-sebuah mukim, di-dalam sa-sebuah kampung atau pun di-dalam satu2 rumah panjang di-dalam lingkungan Daerah Belait adalah untuk mendengarkan dan sa-terus-nya menghadapkan segala kerumitan atau pun masalah yang di-hadapi oleh penduduk2 yang berkenaan kepada Pegawai Daerah.

Dengan jalan itu segala masalah atau pun kerumitan yang di-hadapi oleh penduduk2 di-lapan2 buah mukim serta kampung2

pendalaman di-daerah ini tidak akan lepas daripada pengetahuan Pegawai Daerah siapa yang kelak menghubungkan mana2 pihak yang berkenaan untuk menyelesaikan-nya.

Semua penghulu2, ketua2 kampung dan ketua2 rumah panjang di-daerah ini berkumpul untuk bermashuarat sa-tiap bulan di-bilik persidangan di-bangunan Pejabat Daerah Belait dengan di-pengerusikan sendiri oleh Pegawai Daerah. Di-dalam mashuarat ini-lah para wakil2 penduduk ini mengkhabarkan keadaan kampung2 yang berkenaan dan seterusnya mengemukakan cadangan2 demi kepentingan serta kebajikan anak2 buah mereka.

Pegawai Daerah sendiri di-samping itu tidak jemu2 membuat kunjong-



MASHUARAT bulanan Penghulu2, Ketua2 Kampung dan Ketua2 Rumah Panjang sedang berjalan dengan di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Berbahagia Pengiran Idriss ibni Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad.

an ka-daerah2 pendalaman untuk meninjau perkembangan serta hal ehwal kehidupan penduduk2 di-sana.

WAWANCHARA

Untuk mengetahui sedikit sa-banyak perkara yang berkaitan dengan peranan sa-orang penghulu, ikuti-lah wawanchara pehak Pelita dengan Pengiran Haji Mohammad Said bin Pengiran Ahmad, Penghulu Mukim Belait yang kami adakan baru2 ini di-pejabat beliau.

PENGIRAN Hj. Mohammad Said bin Pengiran Ahmad kini berusia di-dalam lingkungan 60an dan beliau mula di-lantek menjadi Penghulu Mukim Belait di-dalam tahun 1976. Beliau pernah berkhidmat dengan British Malayan Petroleum sehingga tahun 1957 dan selepas itu bekerja dengan Jabatan Kerja Raya sehingga-lah beliau bersara di-dalam tahun 1976. Ikuti wawanchara kita selanjut-nya:

SOALAN: Dapat-kah tuan peramba sebutkan tugas2 sa-bagai sa-orang Penghulu.

Pengiran Hj Mohd Said: Ada-lah menjadi kelaziman kita sa-bagai sa-orang penghulu untuk memata-matai anak2 buah kampung atau pun mukim, menerima arahan dari Pegawai Daerah, mendengar mana-mana kesulitan atau pun masalah para penduduk di-Mukim Belait dan kalau-lah terdada, kita akan menyelesaikan-nya sendiri sa-belum memanjangkan-nya dan

kalau tidak kita akan menghadapi segala kerumitan ini ka-hadapan Yang Berbahagia Pengiran Idriss di-dalam mashuarat bulanan.

Perlu di-ketahui yang rumah kita sentiasa terbuka siang dan malam bagi penduduk2 mukim mengadu segala kesulitan atau pun untuk meminta nasihat. Kadang2 terdapat pasangan suami isteri yang merujuk persengketaan mereka kepada saya. Masalah kekechohan di-antara satu keluarga dengan satu keluarga yang lain ada juga di-rujukkan kepada saya; shukor-lah, di-dalam hal2 seperti ini kita dapat menyelesaikan-nya dengan satu kata muafakat.

Pada keselurohan-nya tugas2 sa-bagai sa-orang Penghulu tidak pernah terbatas kepada satu2 batas-

an kerja dan saya berkeyakinan masyarakat kita maseh lagi menghormati adat bertatasusila berkehidupan, hormat menghormati di-antara satu dengan yang lain dan ini menandakan kita hidup di-dalam satu suasana yang aman damai seperti masa yang sudah-sudah.

SOALAN: Bagaimana dengan pembangunan sa-chara am kampung2 di-dalam Mukim tuan peramba?

Pengiran Hj Mohd Said: Terima kasih. Kita tidak perlu meninjau jauh mengenai dengan perkembangan2 yang di-nekmati oleh penduduk2 di-daerah ini yang di-laksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Saya ingin menampilkan

Lihat muka 14



SA-BAHAGIAN daripada Ketua2 Kampung dan Ketua2 Rumah Panjang ketika hadir dalam mashuarat bulanan, di-bilik mashuarat Pejabat Daerah Belait pada hari Rabu, 29hb Julai, 1981 yang lalu.



PARA penduduk Kampung Sungai Teraban di-berikan perkhidmatan feri untuk menyeberang Sungai Belait. Pegawai2 Kerajaan yang berkereta di-berikan pas perchuma untuk menaik feri ini.

KELUARAN KHAS: SEMPENA MEMPERINGATI HARI KEPUTERAAN KEBAWAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN YANG KE-35 TAHUN

DAERAH Tutong mempunyai keluasan 450.40 batu persegi dan terdapat lapan buah mukim di dalam-nya.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Datu Paduka Haji Abdullah pernah menyebutkan di dalam satu majlis yang kemudahan2 infrastruktur seperti pembangunan2 jalan raya, jalan2 kecil, balai2 raya, bekalan elektrik, bekalan air, klinik serta segala yang berkaitan dengan kebajikan dan sosial yang kini di-nikmati oleh penduduk2 di dalam bandar atau pun di-kawasan2 pedalaman akan terus bertambah dari sa-tahun ke-satu tahun mengikut kemajuan serta keadaan2 kemajuan penduduk2 di dalam-nya.

MEMELIHARA

Dengan terdapat-nya kemudahan2 yang telah di-



BANGUNAN Pejabat2 Kerajaan yang telah di-gunakan dengan sa-penoh-nya di-Bukit Bendera, Tutong.

berikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melihat raa-yat dan penduduk di dalam-nya hidup di dalam keadaan aman makmor

dan sejahtera, ada-lah menjadi tanggung-jawab kita, menurut beliau, menghargai segala apa jua yang di-berikan oleh Kerajaan dan seterusnya

memelihara keadaan kampong masing-masing dengan apa yang boleh di-majukan sa-chara halal menurut peratoran2 dan undang2 negara.

TEMPAT2 BERIBADAT

Kami sempat menghumbi Awang Adnan bin Haji Abu Hanafiah, Penolong Pegawai Daerah Tutong untuk mendapatkan butir2 lanjut mengenai dengan perkembangan2 dalam masa sa-tahun daerah ini yang telah ada atau pun yang kini sedang di-laksanakan di-daerah ini.

Kami di-beritahu yang salah satu perkembangan yang di-ambil perhatian yang berat yang terdapat di-daerah ini ada-lah tempat2 beribadat seperti bangunan2 masjid bagi kemudahan2 penduduk di-

tempat2 yang berkenaan.

Menurut Awang Adnan, sa-buah masjid di-Kampung Telisai kini telah pun siap pembenaan-nya di dalam bulan Jun lepas dan kini telah mula di-gunakan. Sa-buah lagi kini sedang di dalam proses pembenaan-nya di-Kampung Kupang dan ia-nya di-jangka siap pada penghujung tahun ini.

PELAJARAN

Kemudahan2 pelajaran, sementara itu turut juga di-berikan perhatian yang saimbang seperti menambah bilangan sekolah2 di-daerah ini. Seperti yang dapat kita lihat sekarang sa-buah bangunan Sekolah Melayu dan Sekolah Persediaan Inggeris yang terletak di-Kampung Sengkari kini telah pun di-gunakan. Bangunan ini menelan belanja kira2 lebih daripada \$3 juta.

Sa-buah lagi sekolah yang kelak akan di-namakan Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota, di-Kampung Kuala Tutong menurut Awang Adnan lagi, kini sedang di dalam proses pembenaan-nya dan

ia-nya berharga lebih daripada \$1 juta. Bangunan sekolah ini di-jangka siap pada akhir tahun ini.

PERHUBONGAN

Mengenai dengan kemudahan2 perhubungan, Awg Adnan menjelaskan kerja2 pemasangan kabel talipon telah pun di-selenggarakan pada awal tahun ini. Sa-buah talipon di-Kampung Penabai Tutong, Kuala Tutong, Kampung Seramangan, Kampung Penanjong serta sa-Kampung Keriam. Sa-buah "exchange" yang dapat membekalkan 100 talian talipon di-kawasan Telisai manakala itu, kini sedang di dalam proses pemasangan-nya.

Mengenai dengan jalan2 kecil, Daerah Tutong kini mempunyai 62 batang jalan yang berjumlah kira2 lebih 100 yang mana 40 batang daripada-nya ada-lah di-bawah jagaan Pejabat Daerah dan lebihnya ada-lah di-bawah jagaan Jabatan Kerja Raya.

Berbalek kepada kemudahan2 elektrik, beberapa buah kampong di-daerah ini akan menikmati kemudahan2 ini dan penyambungan2 bekalan ini kini sedang di-laksanakan di-Kampung2 Tanjung Maya, Kampung Bukit Sulang, Kampung Kuala Abang dan Kampung Bekiau.

Menyentuh dengan perkembangan2 lain yang terdapat di-sini, Daerah Tutong kini mempunyai 19 buah balai raya, dua buah klinik yang masing2 ditempatkan di-Lamunin dan Tanjung Maya, dua buah balai2 polis serta dua buah pos2 polis.

Daerah ini juga pada keseluruhannya mempunyai 32 buah sekolah2 rendah dan Menengah Melayu, satu sekolah menengah Inggeris, empat buah sekolah persediaan Inggeris dan dua buah sekolah China.



BANGUNAN Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota di-Kampung Kuala Tutong yang hampir siap pembenaan-nya.

Kemudahan2 sentiasa di-berikan

Dari muka 13

perkembangan2 yang terdapat di-Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait yang kini mempunyai lebih kurang 846 orang penduduk.

Sungai Teraban mempunyai sa-orang ketua kampong, Awg. Mohamad Shara bin Labai dan kawasan ini seperti kampong2 yang lain-nya terus menikmati berbagai perkembangan pada sa-tiap masa.

Hasil daripada kerjasama anak2 buah kampong ini di-samping bantuan daripada Pejabat Daerah, Jabatan Hal Ehwal Ugama serta jabatan2 kerajaan yang lain-nya, Kampong Sungai Teraban kini telah mempunyai sa-buah balai ibadat yang baharu.

Kita juga mempunyai sistem perhubungan sa-

perti mana yang terdapat di-bandar2 yang lain-nya. Sa-banyak kira2 21 buah rumah di-kampong ini telah menerima bekalan talipon dan pegawai2 kerajaan yang tinggal di-kawasan ini di-berikan pas perchuma bagi kenderaan mereka untuk melimpasi Sungai Belait melalui feri (tambang yang dikenakan bagi sa-buah kereta ada-lah lima ringgit bagi satu perjalanan).

Juga untuk memudahkan para nelayan memungkah segala perkakas mereka atau pun untuk kemudahan para penduduk berteduh dari panas dan hujan sementara menunggu bot tambang, Pejabat Daerah Belait telah membangunkan beberapa buah pondok yang sejak beberapa ketika telah mula di-gunakan, dan boleh di-katakan kesemua rumah2 yang terdapat di-

kampong ini menerima bekalan elektrik.

Saya sa-laku wakil penduduk2 di dalam Mukim Belait dan Seria ingin mengambil kesempatan ini untuk menguchapkan te-

rima kaseh di atas segala inisiatif kerajaan kerana memberikan segala kemudahan2 yang telah kami nikmati pada ketika ini.

Lihat muka 17



TAMBATAN dan pondok di-Kampung Sungai Teraban ini di-bena oleh Pejabat Daerah untuk kemudahan penduduk2 di-sini.

KELUARAN KHAS: SEMPENA MEMPERINGATI HARI KEPUTERAAN KEBAWAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN YANG KE-35 TAHUN

BATU KELIKIR

*Sumber yang mungkin
jadi hasil mahsul negara
di-samping minyak*

Oleh: Jahri Latif

DAERAH Temburong, walau pun sa-bahagian besar kawasan-nya maseh di-liputi oleh hutan belantara tetapi bumi-nya di-perchayai kaya dengan sumber2 galian. Menurut pendapat ahli2 penyelidik bahawa sumber2 tersebut kemungkinan boleh menjadi hasil mahsul negara yang penting di-samping minyak.

Memandang kepada prospek perkembangan yang menggalakkan ini, beberapa pengkajian dan penyasatan telah di-jalankan terutama sumber galian utama daerah ini ia-itu batu kelikir.

Batu2 ini satu pengkajian mengenai dengan sumber atau 'reserve' batu kelikir di-daerah ini telah di-jalankan oleh dua orang pakar geologi dari United Kingdom, Awg Ian Jackson dan Awg John H. Hull, dan dari pengkajian itu mereka mensahkan beribu2 ekar tanah di-daerah ini mengandungi prospek batu kelikir yang dalam-nya antara 15 hingga 25 kaki dari paras bumi terutama di-kawasan sepanjang Jalan Batang Duri.


Mereka berpendapat zu'at batu ini tidak akan berputusan kechuali takdir. Ini berdasarkan dari pe-

nyiasatan mereka di-mana ia-nya di-perchayai mempunyai 'indong' yang menjadikan batu2 itu boleh melahirkan zuriat-nya sapti masa. Indong batu tersebut di-perchayai adalah jenis yang paling keras dan di-katakan terdapat di-sekitar Bukit Pagan berdekatan dengan Ocean Quarry Limited menjalankan pengorekan di-dalam sungai Kampong Parit, kira2 sa-puluh batu dari Pekan Bangar.

Terdahulu daripada ini,

pada tahun 1966 sa-rombongan mahasiswa Universiti Malaya juga pernah mengadakan penyasatan mengenai dengan sumber batu kelikir ini kerana menchari data untuk pembuatan sa-buah buku geography bagi Negeri Brunei Daripada penyasatan itu, mereka telah membuat satu laporan yang mengata-kan batu2 kelikir tersebut boleh mengeluarkan hasil.

Kini terdapat enam buah sharikat termasuk sa-buah firma menjalankan ke-



KELIHATAN batu2 sedang di-isi ka-dalam 'tongkang' untuk di-bawa ka-Kampung Madewa di-mana batu2 ini di-proses. Tongkang ini boleh membawa muatan sa-banyak 500 tan.

giatan pengorekan batu di-sepanjang Jalan Batang Duri yang meliputi kawasan sa-luas 180 ekar dan ini tidak termasuk 144 ekar kawasan bagi tiga buah sharikat yang telah di-beri lesen tetapi belum mengusaha-hasilkan.

Firma yang termasuk menjalankan kegiatan pengorekan itu ia-lah Ayala International Borneo Berhad. Firma ini tidak di-kenakan chukai kerana kegiatan-nya ada-lah untuk pembangunan Istana Baru di-Batu 3, Jalan Tutong. Keseluruhan batu yang di-korek oleh firma ini ada-lah yang di-kategorikan jenis batu yang paling keras yang terdapat di-dalam sungai Kampong Sumbiling dan di-kawasan Loji Tapisan Ayer Batang Duri.

PENGELUARAN

Perangkaan Jabatan Tanah Temburong menunjukkan sa-banyak 167,835.5 ela padu telah di-hasilkan pada tahun lepas berbanding dengan tahun 1979 hanya 139,904 ela padu ia-itu meningkat 29,931.5 ela padu. Tetapi kalau di-bandingkan dengan satu dekad yang lalu penghasilan batu kelikir telah bertambah 90 peratus.

Ini menunjukkan, Temburong telah mengetarakan peranan-nya yang begitu besar dalam bidang pembangunan jika di-tinjau dari segi industri2 pembenaan kerana sa-bahagian besar keperluan batu bagi tujuan pembangunan negara ini ada-lah sumber batu kelikir dari daerah ini.

Menurut Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Ahmad Bukhari pengeluaran batu kelikir pada masa ini telah memenuhi keperluan2 industri2 pembenaan tempatan. "Mungkin sumber ini akan menjadi salah satu eksport negara pada masa akan datang jika pengeluaran-nya di-lipat-gandakan," terangnya.

Salah satu faktor pengeluaran menjadi terhad ada-lah di-sebabkan sistem pengangkutan. Sistem pengangkutan yang digunakan sekarang, katanya, hanya dengan kapal 'tongkang' yang terpaksa memakan masa tiga hari untuk pergi balek antara Pekan Bangar dan Bandar Seri Begawan. Batu2 tersebut di-hantar ka-Kampung Madewa di-Batu 5, Jalan Tutong undek di-proses dan dari situ baru-lah pengedaran-nya di-perluaskan.

TERKAYA

Menurut pendapat Awg Ian Jackson dan Awg John H. Hull lagi bahawa daerah ini ada-lah pengeluar batu yang terkaya sekali, bukan sahaja bagi negeri ini tetapi boleh di-katakan di-rantau ini.

Mereka sunggoh kagum dengan daerah ini kerana sa-lama ini mereka tidak pernah terjumpa di-mana jua tempat seperti Temburong yang kawasan-nya padat dengan batu2 kelikir.

Di-samping Jalan Batang Duri, beberapa kawasan Batu Apoi dan Mukim Labu juga terdapat batu2 kelikir tetapi maseh belum di-usaha-hasilkan kerana mungkin umur-nya maseh muda.

CHUKAI

Mengenai dengan chukai kerajaan pada masa ini hanya mengenakan chukai dengan kadar yang paling rendah kepada sharikat2 pengusaha ia-itu \$2 bagi sa-ela padu dan \$1 bagi sa-ekar tanah TOL.

Namun demikian, pada tahun lalu kerajaan memperoleh chukai sa-banyak \$335,671.00 dan purata chukai bulanan di-anggar-kan sa-banyak \$43,700.00 berdasarkan chukai bulan Jun tahun ini.



PENGOREKAN di-darat ini sedang di-jalankan di-Kampung Sumbiling, tujuh batu dari Pekan Bangar.

Dari muka 12

Usaha serupa itu telah mendatangkan kesan perpaduan yang mendalam di-kalangan mereka malah telah menjadi pendorong lagi bagi mereka untuk mengator pelbagai ranchangan keugamaan yang lebeh memupok lagi semangat mereka.

Di-Temburong satu majlis ugama yang julong2 kali-nya berjalan di-negeri ini ia-lah Peraduan Membacha Al-Kor'an bagi orang2 muallaf yang di-kelolakan oleh Badan Gerakan Dakwah Daerah tersebut. Pertandingan yang di-jalankan itu telah menarek lebeh daripada 20 orang muallaf lelaki dan wanita menyertai-nya dan rata2 mereka telah dapat memperdengarkan bacaan yang tidak kurang mutu-nya dengan ke-

banyakan muallaf.

orang2

Dari gambaran itu, jelas orang2 muallaf memiliki kemahuan untuk menghayati Islam dengan sa-dalam2-nya malah lebeh mampu daripada batas yang hanya di-kirakan terdaya oleh mereka. Dalam pembachaaan Al-Kor'an misalnya, tidak puas dengan guru2 yang telah di-sediakan mereka terus mempelajari-nya sa-chara sendirian kepada guru2 yang mereka ketahui boleh memberi tunjuk ajar dan bimbingan.

Ini membayangkan yang implementasi dakwah di-negeri ini telah berhasil di-mana penerimaan Islam di-kalangan yang baru memelok-nya bukan-lah pengakuan dzahir semata malah hingga ka-akar umbi-nya di-mana

ternampak bibit2 berakidah dan beribadat dengan keikhlasan, sunggoh pun memang tidak-lah di-nafikan ada golongan yang hanya mahu mengaku Islam demi untuk mencapai tujuan2 tertentu untuk kepuasan, namun bilangan mereka tidak-lah begitu menjajikan kesucian yang kian bersinar.

Esok kita akan terus berputar ligat bersama negara2 di-dunia menempoh era2 baru dan kita pasti segala ketenteraman yang ada akan terus kekal dengan berteraskan Islam yang akan terus di-sebarkan. Kita akan terus bersatu padu dalam ikatan tali Allah yang nanti-nya akan menjadi landasan bagi kita mencapai kemajuan demi kemajuan yang di-limpahkan untuk kesejahteraan kita bersama.



INI ia-lah satu tempat penyimpan batu di-Kampung Selangan.

KELUARAN KHAS: SEMPENA MEMPERINGATI HARI KEPUTERAAN KEBAWAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN YANG KE-35 TAHUN

SAYOR2AN

PENGELUARAN sayor2-an tempatan kian hari kian bertambah. Ini bukan sahaja dari hasil usaha penanam2 komersil bahkan juga hasil dari kumpulan peladang wanita yang telah di-tubuhkan di-sana sini oleh Jabatan Pertanian, melalui pegawai2 perusahaan kampung yang terdiri dari pegawai2 wanita.

Kumpulan peladang2 wanita yang tertua ia-lah seperti dari kampung2 Tanah Jambu, Kapok dan Rimba, Daerah Brunei-Muara. Sementara kumpulan yang terbaharu seperti Kampung2 Ukong dan Bang Nukat Daerah Tutong. Kampung2 Sibut, Semabat, Salapon dan Parit dari Daerah Temburong. Kampung2 Mentiri, Tungku, Lumapas, Belimbing, Putat dan Limau Manis, Daerah Brunei dan Muara dan Kampung2 Sukang dan Lorong Tiga, Seria, Daerah Belait.

Sayor2an di-jual ka-restoran2 dan kini permohonan untuk mendapatkan bangku2 di-pasar sayor dan daging telah di-hadapkan ka-Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan dan keputusan maseh lagi di-tunggu. Peladang2 ini juga sedang berusaha untuk membina sebuah pondok untuk berjual sayor2an di-hadapan Steshen Pertanian Kilanas.

AYAM DAGING

Mulai pertengahan bulan Ogos ini, satu ranchanngan pengeluaran ayam daging sa-chara besar2an akan di-lancarkan. Jika usaha ini berjalan maju nanti, kawasan projek Luahan akan menghasilkan 650 kati daging ayam pada tiap2 hari dan ia-nya akan di-salurkan nanti melalui pasar2 di-Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Seria dan Tutong.

SERBA SEDIKIT KEGIATAN PERTANIAN

Oleh: Roslee Omar

(Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Pertanian)

Matalamat 1,400 ekar untuk menghasilkan perusahaan menternak ayam ini belum dapat di-chapai. Keluasan ladang maseh 460 ekar. Ketika ini bilangan ladang ternakan ayam ada-lah: Ladang jantan 21 ekar, ladang betina 309 ekar dan anak 241 ekar. Sa-banyak 80 peratus hasil ini di-sumbangkan oleh peladang2 tempatan. Antara 70 hingga 80 peratus sayor2an di-hasilkan oleh peladang2 tempatan.

LADANG LEMBU

Pada minggu terakhir bulan September akan datang ini, sa-banyak 21 ekor anak2 lembu yang berumur sembilan bulan di-jangka akan di-jual ka-Jabatan Pertanian, untuk di-jual balek kepada peserta2 Projek Ladang Muda di-Luahan. Ini merupakan pembekalan anak2 lembu yang julong kali di-buat oleh McFarm kepada Jabatan Pertanian atau sabarang pehak.

Daging kerbau dan lembu hanya 10 peratus dapat di-hasilkan oleh peladang2 tempatan sa-takat ini.

PENANAMAN PADI

Pada bulan April tahun ini, kira2 500 ekar padi jenis Disubok telah ditanam. Ini merupakan penanaman di-luar musim dimana pembekalan ayer ka-

sawah bergantung kepada ayer2 sungai yang di-tarek oleh beberapa buah jentera pam ayer. Ada-lah di-jangka penanaman padi di-luar musim itu akan dapat di-tuai pada bulan September hingga Oktober yang akan datang ini.

Ada-lah juga di-jangka kan bahawa di-musim padi tahun ini keluasan padi yang akan di-tanam di-Wasan akan bertambah kepada 700 ekar. Menjelang musim padi tahun 1982-1983 kawasan projek padi kerajaan di-Wasan akan di-usahakan sa-penoh-nya, sa-luas kira2 1,000 ekar. Bergantung kepada kemajuan yang akan di-chapai di-Wasan nanti, kawasan2 projek padi kerajaan akan di-buka di-tempat2 lain, seperti Rambai dan lain2.

Bagaimana pun meluaskan kawasan2 padi bagi penduduk tempatan, nampak-nya agak sukar sedikit di-sebabkan berkurangnya minat penduduk2 kampung terutama petani sa-penoh masa kurang berminat mengusahakan penanaman padi. Satu survey di-kalangan penanam2 padi di-negeri ini akan di-jalankan tidak berapa lama lagi, yang akan di-jadikan asas perancangan majukan penanaman padi pada masa akan datang.

Jabatan Pertanian telah memohon dan mendapat kebenaran dari Kerajaan

untuk menaikkan harga padi dari \$1.20 kepada \$2.00 sa-gantang; sa-bagai satu langkah untuk menggalakkan para petani bertanam padi yang lebeh luas. Kebenaran ini ia-lah bagi padi jenis Pandak atau Disubok yang ketika ini di-galakkan oleh Jabatan Pertanian untuk ditanam dan beneh-nya di-beri dengan perchuma.

STESHEN2 PERTANIAN

Daerah Brunei-Muara :

a) Lumapas — mengeluarkan beneh2 sayor untuk di-edarkan kepada peladang2.

b) Mentiri — tempat penyelidekan sayor2an.

c) Kilanas — penyelidekan padi dan ubi2an dan juga menempatkan Pusat Penyelidekan, bengkel dan setor pusat dan lain2.

d) Luahan-Jerudong — penyelidekan rumput lembu, kerbau dan lain2 ternakan.

e) Pengkalan Batu — Steshen pengembangan pertanian.

f) Tanah Jambu — mengeluarkan anak2 beneh buah2an chantum, lakum dan sanding.

TUTONG

a) Birau — penyelidekan padi, tanam2an sementara seperti sikui, jagong, kachang2an, sayor2an, dan pokok2 kekal seperti kopi dan buah2an.

b) Lamunin — steshen pengembangan pertanian.

c) Batang Mitus — mengeluarkan anak2 beneh

buah2an chantum, lakum dan sanding.

TEMBURONG

a) Semabat — penyelidekan pokok2 kekal seperti lada sulah dan kelapa.

b) Selangan — penyelidekan padi, sayor dan buah2an.

c) Puni — pengeluaran sayor2an dan ubi2an.

BELAIT

a) Labi — penyelidekan padi dan buah2an.

b) Bukit Sawat — steshen pengembangan pertanian.

c) Sungai Liang — penyelidekan sayor2an, tanaman sementara seperti sikui, jagong, kachang2an dan kelapa.

MENDIDEK/MELATEH PELADANG

Dalam mendidek dan melateh para peladang di-negeri ini, pehak Jabatan Pertanian telah melancarkan beberapa usaha seperti: nasehat di-ladang, kursus peladang, lawatan2 peladang bahagian Jabatan Pertanian, pertukaran lawatan antara kumpulan peladang, hari2 peladang, pertunjukan pertanian dan tunjok2 chara di-ladang.

BANTUAN KAPADA PELADANG

Dalam menggalakkan pertanian di-negeri ini, Kerajaan dengan melalui Jabatan Pertanian telah memberikan bantuan kepada para peladang dengan berbagai2 perkhidmatan dan bantuan pertanian sa-chara perchuma, sa-paroh harga atau murah dari biasa. Antara lain seperti: Beneh sayor2an, beneh padi dan jagong, rachun2 serangga, obat2 penyakit, parit dan tali ayer (perchuma); Beneh sikui, anak beneh buah2an, jentera2 pembajak, rachun

rumpun, rachun2 serangga beneh2 ternakan (murah dari biasa) dan baja2, dan wai berduri (sa-paroh harga).

Skim buah2an, lada sulah, kelapa dan kopi — bantuan di-berikan bagi membesih kawasan tanaman dan benehan parit, beneh perchuma, pagar perchuma, baja, rachun musoh dan obat penyakit perchuma sa-hingga-lah tanaman tersebut mendatangkan hasil.

SIKUI

Dengan usaha2 penyelidekan yang gigih oleh Jabatan Pertanian, penanaman sikui di-negeri ini kini tidak terbatas kepada musim2 tradisional dan jenis beneh tempatan. Dengan maklumat yang di-perolehi dari penyelidekan usaha2 para penanam sikui tempatan kini tidak lagi di-sekat oleh penyakit yang ujud-nya di-pengaruhi oleh keadaan cuaca yang burok di-musim dan di-luar musim sikui yang tradisional di-Brunei.

Dengan maklumat2 penyelidekan ini juga penanam2 sikui tempatan kini mampu dan terdaya untuk menanam jenis2 sikui dari luar negeri seperti dari Jepun, Taiwan, Amerika dan New Zealand yang mana jenis2 ini memerlukan pemeliharaan yang berbeza-beza dan lebeh intensif dari jenis sikui tempatan.

Dan dengan penyebaran maklumat2 teknikal bertanam sikui dan di-iringi pula dengan bantuan2 beneh, tanaman sikui di-negeri ini kini tidak lagi terbatas penanaman-nya di-kawasan tradisional seperti di-Subok dan Kampung Tungku, bahkan sudah melarat ka-sana sini di-negeri ini.

PERTUNJOKAN PERTANIAN

Daerah Brunei / Muara

pada 30hb. Ogos, 1981

Daerah Belait

pada 13hb. Sept., 1981

Sempena Hari Keputeraan

Kebawah D.Y.M.M.

Ke-35



KETIGA2 gambar ini memperlihatkan: Pemandangan padi di-Wasan (kiri); Ternakan lembu di-McFarm (tengah) dan Ladang sikui di-Pusat Pertanian Sinaut (kanan).



KELUARAN KHAS: SEMPENA MEMPERINGATI HARI KEPUTERAAN KEBAWAH D.Y.M.M. PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN YANG KE-35 TAHUN

KERAJAAN TERUS PERHATI HAL PELAJARAN

PERKEMBANGAN dan kemajuan pelajaran sentiasa diambill perhatian oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, ini memantapkan yang pelajaran adalah merupakan modal dan 'investment' bagi membentok masyarakat yang dinamis dan sempurna serta merupakan 'kibang' pengeluaran pemimbin2 yang berkelibar serta tenaga penggerak pembangunan negara lebeh2 lagi di-masa dan saat negara hendak menuju ka-ambang kemerdekaan pada penghujung tahun 1983.

PERUNTOKAN

Untuk mencapai tujuan tersebut, kerajaan memperuntokan kewangan yang banyak dan mencukupi dari sa-tahun ka-tahun di-mana dalam tahun 1981 sa-jumlah lebeh daripada \$161 juta telah di-sediakan bagi kegunaan melaksanakan segala projek2 dan ranchangan2 dan perubahan2 yang telah di-luluskan.

Hingga tahun 1980, jumlah sekolah2 menengah dan rendah Melayu dan Inggeris termasuk sekolah2 Persediaan Inggeris di-seluruh negeri ialah sa-banyak 165 buah ia-itu 113 buah bagi sekolah2 rendah Melayu, 18 buah sekolah2 menengah dan 34 buah sekolah2 Persediaan Inggeris.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-empat 1980-1984 kerajaan telah meluluskan peruntokan kewangan bagi membina enam buah sekolah menengah di-negeri ini yang jika kita terperinci pada keseluruhan-nya menelan belanja hampir2 \$90 juta ringgit. Sekolah2 tersebut ia-lah Sekolah Menengah Melayu Sungai Kebun yang menelan belanja kira2 \$35 juta dengan keluasan 22½ ekar; Sekolah Menengah Serasa, Muara de-

Oleh :

Ja'afar Ibrahim

ngan belanja \$13,210,000.00 dengan keluasan 24 ekar; Sekolah Menengah Bangar, Temburong dengan keluasan 36.165 ekar menelan belanja \$11,200,000.00; Sekolah Menengah Lamunin Tutong — \$10,900,000.00 dengan keluasan 40 ekar; Sekolah Menengah Kuala Belait — \$7,950,000.00 dengan keluasan 30 ekar dan Sekolah Menengah Sengkuring/Mulaut dengan belanja \$12,880,000.00 dengan mempunyai keluasan 39.4 ekar.

Dari senarai sekolah2 itu, Sekolah Menengah Sungai Kebun ia-itu (Sekolah Menengah Pertama di-Kampung Ayer) kini sedang ranchak dalam pembinaan-nya di-mana sekolah berkenaan di-jangka akan dapat di-siapkan pada bulan Oktober 1981 dan akan di-gunakan pada tahun 1982 nanti. Ada-lah di-fahamkan



KEBAWAH DYMM bersalaman dengan salah sa-orang penuntut UK ketika Baginda berangkat menghadiri majlis kesukoran sempena Hari Keputeraan Baginda kali ke-34 tahun di-Lapau.

bahawa pembinaan sekolah ini termasuk dalam Rancangan Kemajuan Negara Ketiga (1975-1979) dan di-tunda hingga ka-Rancangan Negara Ke-empat.

Dengan terseragam-nya nanti kompleks sekolah yang di-sifatkan sa-bagai yang pertama di-Kampung Ayer ini ada-lah di-harapkan dan di-hasratkan bagi menampung kesesakan penempatan penuntut2 di-beberapa buah sekolah menengah di-ibu kota yang mana kita sedia maalom bahawa sa-bahagian besar pe-

nuntut2 itu datang-nya dari sekitar kawasan Kampong Ayer.

Terbena-nya sekolah itu nanti dengan berbagai-bagai kemudahan dan kelengkapan yang di-perlukan penuntut2 akan lebeh dapat menumpukan perhatian dan daya dorongan yang gigih terus belajar dan menchapai kejayaan pelajaran yang chemerlang bagi kepentingan mereka sendiri juga sesuai dengan fungsi dan matlamat pelajaran itu sa-bagai 'tanaman modal' kerajaan untuk masa depan negara dan masyarakat seluruh-nya.

Kerajaan pada mensambangkan dan menampung keperluan pelajaran dalam negeri di-peringkat tinggi telah menubuhkan sa-buah pusat atau institusi yang di-namakan Pusat Tingkatan Enam yang terletak di-Jalan Gadong.

Pusat tersebut yang boleh menampung sa-ramai 780 orang penuntut menelan belanja kira2 \$20 juta dan telah dapat di-gunakan sa-penoh-nya untuk belajar pada tahun 1979.



KEBAWAH DYMM bersalaman dengan salah sa-orang penuntut UK ketika Baginda berangkat menghadiri majlis kesukoran sempena Hari Keputeraan Baginda kali ke-34 tahun di-Lapau.

Sejak tertubuh-nya PTE dalam tahun 1975 di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara telah dapat melahirkan anak2 tempatan yang berkelibar yang masa ini sedang menuntut di-United Kingdom dalam berbagai-bagai jurusan.

PENINGKATAN DERMASISWA

Kerajaan DYMM dalam memberikan pelajaran yang sa-chukop2-nya kepada anak2 tempatan tidak hanya sa-takat dalam negeri malahan telah berkenan mengorbankan dermasiswa kepada penuntut2 yang berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran di-seberang laut. Dermasiswa ini telah di-berikan oleh kerajaan sejak bertahun-tahun yang lalu.

Dermasiswa ini di-berikan ada-lah bermaksud untuk membolehkan pelajar2 raayat Brunei melanjutkan pelajaran tinggi. Tiap2 satu dermasiswa di-korbankan bagi tempoh min-ima yang perlu untuk membolehkan sa-seorang penuntut itu menamatkan kursus pengajian-nya sa-hingga beroleh kelulusan ijazah atau ikhtisas dan sa-paroh ikhtisas yang di-



KEBAWAH DYMM ketika berangkat melawat ka-Jabatan Pelajaran pada bulan April tahun ini.

perlukan oleh kerajaan serta raayat dan penduduk2 negeri ini.

Pengorbiaan dermasiswa yang di-berikan dari sa-tahun ka-setahun semakin bertambah. Ini dapat kita membuat perbandingan di-mana misalnya dalam tahun 1976 peruntokan yang di-sediakan oleh kerajaan berjumlah \$5,858,000.00 dan telah meningkat kepada \$13,500,000.00 dalam tahun 1980.

Peningkatan peruntokan tersebut ada-lah di-sebabkan ramai-nya jumlah penuntut2 yang memohon belajar ka-luar negeri baik di-United Kingdom mahu pun di-Singapura.

Dan mengikut laporan dari Jabatan Pelajaran bahawa jumlah penuntut2 yang belajar di-United Kingdom hingga tahun 1980 kini berjumlah 1,425 orang. Jumlah yang begitu besar dapat membayangkan kepada kita betapa kerajaan sentiasa menumpukan perhatian pada mengasah anak2 tempatan untuk menjadi pemimpin2 yang berpotensi.

Kita sa-bagai raayat Brunei Darussalam yang cintakan negara menjadi aman, mak-mor sejahtera, dan aman mengharapakan kepada penuntut2 yang belajar di-luar negeri menumpukan segala usaha pada menjunjug hasrat kebawah DYMM ketika Baginda bertitah di-Majlis Keshukoran pada tahun lepas di-Lapau untuk membanyakkan lagi anak2 tempatan yang berkelayakan, berkemahiran dan berkelulusan pada menarajukan negara kelak.

Walau bagaimana pun tidak dapat di-nafikakan akan kenyataan-nya memandangkan jumlah anak2 Brunei yang berkelulusan tinggi dari tahun 1976 hingga 1980 yang berjumlah 194 orang dapatlah di-banggakan memandangkan yang negara kita ter-lalu kecil. Tahun lepas, jumlah penuntut2 yang lulus ia-lah sa-ramai 53 orang ia-itu 30 orang dalam bahagian Ijazah dan 23 orang yang lain-nya dalam bahagian ikhtisas dan sa-paroh ikhtisas.

Dengan limpah kornia kerajaan DYMM pada tahun lalu telah juga berkenan menaikkan elauan penuntut2 sa-jumlah 23 peratus. Kenaikan ini di-berikan oleh kerajaan ada-lah bertujuan untuk membantu penuntut2 di-United Kingdom dalam menem-poh dan pada mengurangkan tekanan inflasi.

Di-samping itu, kerajaan juga memberikan dermasiswa dalam negeri ia-itu bagi penuntut2 Warga Negara Brunei di-seluruh sekolah2 ke-

rajaan menerima pelajaran perchuma termasuk memberikan semua alat2 perkakas sekolah kechuali buku2 rampaian.

Murid2 yang tinggal tiga batu atau lebeh daripada tempat mereka belajar ada-lah di-berikan tempat tinggal dan makanan perchuma sa-penoh-nya di-asrama sekolah atau di-berikan elauan sara hidup sa-banyak \$45.00 sa-bulan semasa sekolah di-buka atau kenderaan harian perchuma pergi dan balek dari rumah ka-sekolah.

Bagi mereka yang tinggal di-asrama pula juga di-berikan kenderaan perchuma dari rumah ka-asrama pada awal dan akhir penggal persekolahan. Semua penuntut2 yang belajar dalam Tingkatan Enam samada yang tinggal di-Asrama atau pergi balek dari rumah ka-sekolah menerima elauan sa-banyak \$30.00 sabulan pada waktu2 sekolah di-buka.

Misalan dalam keluaran Laporan Tahunan Jabatan Pelajaran 1978 menunjukkan bahawa peruntokan kewangan yang di-sediakan oleh kerajaan di-sediakan oleh kerajaan ia-lah sa-jumlah \$6,456,700.00 ia-itu sa-jumlah \$4,286,000.00 untuk perkhidmatan asrama, \$825,700.00 untuk perkhidmatan elauan sara hidup, penuntut2 Tingkatan VI dan Teknikal serta sa-jumlah \$1,345,000.00 untuk perkhidmatan kenderaan sekolah2.



KURSUS sivik bagi penuntut2 seberang laut di-adakan oleh kerajaan bagi memberikan fahaman yang betul mengenai negara. Kelihatan dalam gambar YTB Penasehat Umom Kebawah DYMM ketika bersalaman dengan penuntut2.

Usaha2 kerajaan pada memberikan pelajaran tidak hanya chukop dengan memberikan ilmu pengetahuan malahan yang lebeh penting ia-lah sa-tiap penuntut2 yang belajar di-seberang laut di-'batai' dan di-tebalkan keimanan mereka denpan ajaran2 Islam serta chorak2 ke-Bruneian dan kebudayaan orang Brunei melalui kursus

sivik yang di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan Jabatan Setiausaha Kerajaan.

Motif atau tujuan kerajaan mengadakan perkara sa-umpama ini ia-lah bagi menanamkan sa-tiap penuntut2 chintakan negara dan tanah ayer-nya supaya mereka tidak mudah di-ganggu gugat atau di-pengaruhi oleh mana anasir2 yang chuba untuk memporak perandakan keamanan, kesejahteraan dan kebahagiaan hidup masyarakat Brunei Darussalam.

Untuk meninggikan lagi taraf pelajaran di-negeri ini, satu badan penasihat yang digelar 'Majlis Pelajaran' telah di-beri mandat atau kuasa oleh kerajaan untuk membuat kajian2 terhadap ranchangan2 pelajaran serta menyokong satu2 chadangan sa-belum di-hadapkan kepada pehak2 yang berkenaan.

Sistem pelajaran di-Brunei hingga sa-takat ini ada-lah meliputi peringkat taman asohan, rendah, menengah dan menengah lanjutan serta pelajaran dewasa. Bahasa pengantar yang di-gunakan ia-lah Bahasa Melayu, Inggeris dan China. Bagi sekolah2 taman asohan ia-nya di-kendalikan dan ungkayahkan sendiri oleh badan2 persendirian atau orang2 perserangan yang kebanyakkan-nya terdiri dari anak2 tempatan.

Sekolah2 menengah, rendah dan menengah lanjutan serta pelajaran dewasa pula di-

Perkembangan Daerah Belait

Dari muka 14

Daerah Belait pada umom-nya terus menerima perkembangan2 dan pembangunan2 dari sa-masa ka-semasa. Satu projek yang ketara kini sedang di-dalam proses pembangunan-nya ia-lah sa-buah Balai Bomba di-Kuala Belait yang di-jangka melan belanja berjuta-juta

ringgit terletak di-Jalan Setia Diraja.

Di-sa-balek pembangunan2 yang di-laksanakan oleh pehak kerajaan, peniaga2 tempatan tidak juga kurang tampil ke-hadapan di-dalam membuat berbagai projek guna untuk memberikan kemudahan kepada penduduk2 di-daerah ini membeli-belah.

ranchangan2 RADIO

WAKTU SIARAN :

Mulai 15hb Julai 1981
Siaran Melayu . Radio
Brunei akan bermula dari
jam 6.00 pagi terus-
menerus hingga jam 10.30
malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara
dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan
Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan
Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan
Tutong dan Belait.

Hari Rabu 12hb. Ogos

PAGI :

8.30 Rimba Raya (SU)
8.45 Dendang Antarabangsa
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Joget
10.30 Surat Dari London
10.45 Riag Ria
11.00 Taman Mekar (SU)
11.30 Autograph Pendengar (SU)

T/HARI :

1.30 Persembahan-ku (SU)

PETANG :

2.00 Chitra Irama
2.30 Tahniha dan ucap selamat
3.15 Hiboran Petang
3.30 Bingkisan Tanah Ayer
4.00 Panduan Pelajar
4.30 Dendang P. Ramlee.
5.00 Serbanika Hiboran
5.45 Senandung Asli

MALAM :

7.00 Rangkaian Lama dan Baru
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

Hari Khamis 13hb. Ogos

PAGI :

8.30 Ruangan Ketani (SU)
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Lagu2 Jenaka
10.30 Rampaian London
10.45 Lagu Kanak-Kanak
11.00 Permintaan Suka Ramai.

T/HARI :

12.00 Sajian Tengahari
1.30 Chitra-wara

PETANG :

2.00 Puspita Irama
2.30 Sandiwara Radio (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Tafsir Al-Koran
4.30 Soal jawab agama
5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
5.45 Irama di-senja.

MALAM :

7.00 Bachaan Surah Yassin
8.30 Bimbingan Al-Koran
9.00 Permintaan Sukaramai
9.45 Hidayat.

Hari Jumaat 14hb. Ogos

PAGI :

8.30 Pertanian
9.00 Pelajaran Dewasa Di-Udara
9.30 Tafsir Al-Koran (SU)
10.15 Soalani Di-Udara
10.30 Untok Belia
11.00 Bimbingan Al-Koran (SU)
11.30 Lukisan Masyarakat.

TENGAH HARI :

12.00 Lagu Dakwah
12.15 Bachaan Al-Koran
1.15 Qasidah/Nashid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.

PETANG :

2.00 Ruangan Ketani
2.30 Majallah Radio (SU)

TIAP2 HARI :

6.00-6.02 pagi : Allah Peliharakan Sultan
6.02-6.30 pagi : Sinaran Wahyu
6.30-8.30 pagi : Dendang Suria
Bingkisan Hari Ini
Suntingan Hidayah
Peringatan Hari
Panduan Sokan
Bertutor Dalam Bahasa
Inggeris

12.00-12.45 T/H - Sajian Tengah Hari (Mem-
persembahkan lagu stereo)
kechuali hari2 Khamis, Ju-
maat dan Ahad.

3.15 Paduan Suara
3.30 Focus Radio
4.00 Cherpen dan Salokan
4.30 Langgam Suara
5.00 Puspita Irama
5.45 Suntingan Khutbah Jumaat

MALAM :

7.00 Lagu2 Hiboran
8.30 Kampong Terpuji (SU)
9.00 Soal jawab agama
9.45 Mari Berpantun

Hari Sabtu 15hb. Ogos

PAGI :

8.30 Focus Radio (SU)
9.00 Riag Ria
9.15 Soalan Di-Udara (SU)
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Hiboran Ranchak
10.30 Rampa Sari
11.30 Lagu Kanak-Kanak
11.45 Varia Peristewa (SU)

T/HARI :

1.30 LAGU2 Dari Filem
1.45 Rimba Raya (SU).

PETANG :

2.00 Permintaan Hujung Minggu
3.15 Anika Lagu
3.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU)
4.00 Mutiara Asli
4.30 Chitra Irama
5.00 Rangkaian Lama dan Baru
5.45 Senandung Ria.

MALAM :

7.00 Rampaian Malam
8.30 Cherpen dan Salokan (SU)
9.00 Irama Keronchong
9.15 Titian Budaya (SU)
9.45 Langgam Suara (SU).

7.30 malam dan
1.00 tengah hari: Majallah Radio, siaran asal
dan ulangan (kechuali hari
Khamis)
6.00 petang : Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menunai-
kan sembahyang Fardhu
Maghrib

10.15 malam : Bachaan Al-Koran

10.24 " Do'a Restu

10.29 " Allah Peliharakan Sultan.

Hari Ahad 16hb. Ogos

PAGI :

8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Dunia Wanita
10.15 Titian Budaya
10.30 Pop Minggu Ini
11.00 Senandung Seloka
11.30 Suara Kugiran

T/HARI :

12.00 Sandiwara Radio
12.32 Segar dan Ranchak
1.00 Permintaan Dua Station

PETANG :

2.00 Kampong Terpuji
2.30 Gema Ria/Persembahan-ku
3.15 Riag Ria
3.30 Mari Berpantun
4.00 Chitra-wara
4.30 Arena Sokan/Lagu2 Hiboran
5.00 Sharikat Kerjasama
5.45 Irama di-senja.

MALAM :

7.00 Lagu2 Pilehan
8.30 Suara Parajurit
9.45 Permintaan Lagu2 60an.

Hari Isnin 17hb. Ogos

PAGI :

8.30 Serbanika Hiboran
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI :

1.30 Senandung Seloka

WARTA BERITA :

7.00 pagi (Berita2 dalam negeri)
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 t/bari (tiap2 hari Jumaat)
3.00 petang (tiap2 hari Jumaat, Sabtu dan
Ahad)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusa
Iban)
9.30 Berita Dunia dari BBC London.

Menyiarkan AZAN:

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

PETANG :

2.00 Sharikat Kerjasama (SU)
2.30 Kenangan Mengusik Jiwa (SU)
3.15 Rampaian Joget
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Bingkisan Tanah Ayer
4.30 Pertanian dan Perikanan (SU)
5.00 Komintang Radio
5.15 Periang Hati
5.45 Lagu2 nasehat.

MALAM :

7.00 Aneka Irama.
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Mutiara Asli.

Hari Selasa 18hb. Ogos

PAGI :

8.30 Suara Perajurit (SU)
9.30 Permintaan Kaum Wanita.
10.15 Irama Hindustan
10.30 Rampaian London
11.00 Autograph Pendengar
11.30 Dunia Wanita (SU).

T/HARI :

1.30 Lukisan Masyarakat.

PETANG :

2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Hiboran
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Suara Kugiran (SU)
4.30 Untok Belia (SU)
5.03 Varia Peristiwa
5.15 Sayu dan Merdu
5.45 Senandung Senja.

MALAM :

7.00 Gema Silam
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Senandung Malam.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

DAVID'S CLASSICAL
MUSIC NIGHT

P.M.

8.15 Symphony.
8.55 The History of Music
In Sound Plainsong
Palestrina.
9.30 Musical Gems.

Thursday

P.M.

8.15 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.00 In Latin Mood
9.30 Story Time : Napoleon and
Josephine

Saturday

P.M.

8.15 Hits In Germany
8.45 Frank Muir Goes Into
9.30 Top Of The Pops.

Monday

P.M.

8.15 Dateline
8.45 Up The Belait Without A
Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre

Tuesday

P.M.

8.15 Just For You
9.00 Rock Line
9.30 Stereo Pop Special

Daily

A.M.

7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except
holidays

P.M.

8.00 Radio Newsreel
9.15 News.

HOLIDAYS — Friday

A.M.

11.00 Practical World
11.15 Light Music from Netherlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 Three Ladies In Stereo

P.M.

12.45 Neil Richardson Presents
1.15 BBC Sports Magazine
8.00 Radio Newsreel
8.15 Three Ladies In Stereo
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Stringsound

Sunday

A.M.

11.00 We Care For You
11.15 BBC Beautiful Music
11.30 World of Education
12.00 Frank Muir Goes Into
12.45 Interlude
1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 The Restless Year
8.45 World of Education
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Science Pop.

PPNB TERIMA TAULIAH SELAKU ANGGOTA PENGAKAP SA-DUNIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Pengakap Negeri Brunei telah di-tauliahkan selaku anggota penuh Biro Pengakap Sa-Dunia di-tengah persidangan Biro Pengakap tersebut yang telah bermula Isnin lalu 10hb Ogos dan akan berakhir pada 14hb Ogos di-Dekar Nagal, Africa Barat.

Tauliah tersebut di-jangka akan di-terima oleh Ketua Pengakap Negara, YB Pehin Jawatan Luar, Pengerusi Kerajaan Setia Awang Haji Hussein selaku ketua bagi perwakilan Brunei yang di-undang dalam persidangan itu.

Perwakilan Brunei itu telah bertolak untuk menghadiri persidangan tersebut Jumaat lalu. Sa-belum berlepas satu upacara pengangkat penyampaian Bendera Brunei telah di-lakukan oleh Dato Paduka Haji Ali Khan kepada perwakilan tersebut.

Tiga orang lagi perwakilan dari PPNB ka-persidangan itu ia-lah Pengiran Haji Sani bin Pengiran Ahmad, Ketua Pesuruhjaya Pengakap; Awang Mahmud Sarani bin Awg Othman, Pesuruhjaya Latehan Pengakap dan Awg Haji Hassan bin Haji Awg Timbang, Setia Usaha Latehan Pengakap.

PPNB pernah di-undang untuk menghadiri persidangan sa-rupa dalam tahun 1976 selaku pemerhati. Ketika itu ia-nya maseh lagi sa-bahagian dari chawangan pergerakan pengakap United Kingdom.

Menurut juruchakap pengakap, hanya pada 1hb Julai tahun ini PPNB telah dengan rasmi-nya di-terima selaku anggota Biro Pengakap Sa-Dunia yang mana menjadikan-nya berkuasa mewakili atas nama

persekutuan sendiri dalam mana2 persidangan2 serupa yang akan di-adakan kelak.

Dalam persidangan di-Dekar itu, perwakilan

Brunei akan sama2 membincangkan mengenai masalah Pengakap Sa-Dunia, Skim2 Latehan dan hal2 yang berhubung dengan pergerakan pengakap.



KELIHATAN Dato Haji Ali Khan yang juga selaku Yang Dipertua Persekutuan Pengakap sedang menyampaikan Bendera Negeri Brunei kepada Awang Haji Hassan bin Haji Awg Timbang.



9 lulus Pengadil Bolasepak Kelas III

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-belas daripada 19 orang telah berjaya memperolehi sijil sa-telah berjaya menamatkan satu kursus Pengadil Bolasepak yang telah di-adakan dalam bulan Jun tahun lalu.

Mereka ia-lah Meraj Haji Awang, Abu Bakar Aliyuddin, Haji Abdul Ghafar Haji Md Taha, Tudin Ahmad, Bangkul Haji Salat, Junadie Haji Sulong, Minggu Taripin, Yakub Haji Omar, Metussin Haji Hamid, Hussin Haji Damit dan Abas Bakar.

Kursus yang di-jalankan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-sini itu telah di-kendalikan oleh Lembaga Jawatankuasa Pengadil BAFU dan Persatuan Pengadil Bolasepak Negeri Brunei.

Ia-nya telah di-selenggarakan dengan kerjasama sa-chara sukarela oleh Awang Abd Rahman Haji Sanip, Awang Norsah bin Haji Abdullah, Awang W. Kirk dan Awang Kamal Haji Salleh.

Sa-tiap peserta kursus ada-lah di-kehendaki lulus dalam ketiga2 perkara ia-itu ujian bertulis, ujian lisan dan praktikal sa-belum di-akui layak menerima sijil dan membolehkan-nya menjadi Pengadil Bolasepak Kelas III.

Peraduan Pakaian Beragam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu peraduan pakaian beragam akan di-anjarkan di-Daerah Brunei dan Muara sempena hari ulang tahun keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Ia akan di-langsungkan pada 16hb ini.

Borang2 penyertaan dan butir2 lanjut mengenai peraduan itu sekarang boleh di-perolehi dari Awang Mohammad Jamil bin Mohammad Yusof dan Awang Daud bin Metarsad di-Jabatan Radio Talivishen Brunei dan Awang Zakaria bin Ahmad di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri.

Persatuan Tunas Harapan Sinaut tuboh sharikat bas sekolah

TUTONG. — Bak kata pepatah Melayu, 'Ringan sama di-jinjing dan berat sama di-pikul', sa-bahagian berjaya yang kita rasa sukar akan dapat di-ringankan dan ini-lah antara jajan yang membolehkan kita mencapai apa yang di-kehendaki.

Semangat kerjasama yang terpujuk di-kalangan ahli2 persatuan Tunas Harapan Sinaut di-sini telah berjaya memenohi chita2 persatuan tersebut untuk menubuhkan Sharikat Bas Sekolah.

Dengan kerjasama ahli2-persatuan itu telah dapat mengumpul wang sa-jumlah \$60,000 yang mana telah di-gunakan bagi membeli sa-buah bas yang di-perchayai akan sampai tidak lama lagi untuk memulakan perkhidmatan-nya.

Minggu lalu persatuan tersebut telah mengadakan satu mashuarat untuk melantik sembilan orang ahli2 jawatankuasa yang akan bertanggung-jawab untuk mengendalikan sharikat itu nanti.

Sa-orang juruchakap persatuan menyatakan, sa-sam untuk memodali sharikat tersebut kini sedang di-jual kepada ahli2 dan penduduk2 kampung yang berkecenderungan untuk membeli-nya.

Mereka yang berhak untuk membeli saham tersebut ia-lah Ahli2 Persatuan Tunas Harapan Sinaut, Tutong, Penduduk2 Kampung Sinaut, Kampung Bukit Panggal, Penduduk2 Kampung di-sepanjang jalan batu 18, 19 dan 20 jalan Tutong serta penduduk2 Kampung Luagan Tembaran Jalan Lamunin.

Borang2 serta keterangan lanjut mengenai keahlian sekarang boleh di-perolehi dari Awang Abdul Wahab bin Haji Nayan, Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim dan Awang Abdul Razak bin Haji Mohammad Yusof.



GAMBAR atas dan bawah menunjukkan suasana dalam permashuaratan yang di-adakan pada hari tersebut.



JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI-DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi beberapa jawatan2 kosong di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. a) Jawatan :

PEMANDU TINGKAT KHAS :
(di-Jabatan Kehutanan)

Tangga Gaji :

E. 2-3 EB. 4 — \$470-485-500-515-530-545-560-575-590-650/EB/620-630-645-660-680-700.

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu sekurang2-nya sa-lama 10 tahun yang mana 5 tahun daripada-nya sa-bagai Pemandu Tingkat I.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kecil.
- Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan ada-lah merupakan satu kelebihan.

2. a) Jawatan :

PEMANDU TINGKAT I (di-Jabatan Letrik)

Tangga Gaji :

E. 2-3 EB. 4 — \$470-485-500-515-530-545-560-575-590-650/EB/620-630-645-660-680-700.

b) Jawatan :

PEMANDU KERETA TINGKAT I
(di-Jabatan Perkhidmatan Pos)

Tangga Gaji :

F. 4-5 EB. 6 — \$490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620.

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kecil.
- Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sa-bagai Pemandu Tingkat II sekurang2-nya sa-lama 3 tahun.

- d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan ada-lah merupakan satu kelebihan.

3. a) Jawatan :

PEMANDU (di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan).

Tangga Gaji :

F. 3-4 EB. 5 — \$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

b) Jawatan :

PEMANDU KERETA (di-Jabatan Kehutanan)

Tangga Gaji :

F. 3-4 EB. 5 — \$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 40 tahun dan hendak-lah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
- Mereka mesti-lah memandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu dan boleh membaiki kerosakan2 kecil.
- Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas II ada-lah merupakan satu kelebihan.
- Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan ada-lah merupakan satu kelebihan.

Tugas2 :

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untuk bertugas bila2 masa di-kehendaki di-luar masa bekerja biasa atau bekerja sa-chara bergilir2 (shift). Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untuk bertugas di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 22hb Ogos, 1981.

(E/899/77 — Bil : 126/1981)

Di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi beberapa jawatan2 kosong di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. a) Jawatan :

PEMANDU TINGKAT KHAS :

(di-Pejabat Penerbangan Awam, Lembaga Bandaran BSB, Daerah Brunei-Muara dan Pelajaran).

Tangga Gaji :

E. 2-3 EB. 4 — \$470-485-500-515-530-545-560-575-590-650/EB/620-630-645-660-680-700.

b) Jawatan :

PEMANDU TINGKAT KHAS : (di-Pejabat Letrik)

Tangga Gaji :

E. 3 EB. 4 — \$530-545-560-575-590-605 / E/B/ 620-630-645-660-680-700.

c) Jawatan :

PEMANDU TINGKAT KHAS :

(di-Askar Melayu Diraja Brunei).

Tangga Gaji :

E. 1-2-3 EB. 4 — \$410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

d) Jawatan :

PEMANDU KERETA TINGKAT KHAS :

(di-Jabatan Hal Ehwal Ugama)

Tangga Gaji :

E. 2 EB. 3 — \$470-485-500-515 / E/B/ 530-545-560-575-590-605.

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu sekurang2-nya sa-lama 10 tahun yang mana 5 tahun daripada-nya sa-bagai Pemandu Tingkat I.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kecil.
- Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan ada-lah merupakan satu kelebihan.

2. a) Jawatan :

PEMANDU TINGKAT I (di-Pejabat Tanah, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan AMDB).

Tangga Gaji :

F. 4-5 EB. 6 — \$490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620.

b) Jawatan :

PEMANDU TINGKAT I

(di-Pejabat Setor dan Perbekalan Negara).

Tangga Gaji :

F. 3-4-5 EB. 6 — \$430-440-450-460-470-490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620.

c) Jawatan :

PEMANDU TINGKAT I

(di-Pejabat Daerah Brunei-Muara)

Tangga Gaji :

F. 3-4-5 EB. 6 — \$430-440-450-460-470-490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620.

d) Jawatan :

PEMANDU KERETA TINGKAT I

(di-Pejabat Pelabohan)

Tangga Gaji :

F. 3-4-5 EB. 6 — \$430-440-450-460-470-490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620.

e) Jawatan :

PEMANDU KERETA TINGKAT I

(di-Pejabat Daerah Kuala Belait)

Tangga Gaji :

F. 3-4-5 EB. 6 — \$430-440-450-460-470-490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620.

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kecil.
- Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sa-bagai Pemandu Tingkat II sekurang2-nya sa-lama 3 tahun.
- Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan ada-lah merupakan satu kelebihan.

3. a) Jawatan :

PEMANDU TINGKAT II

(di-Pejabat Pertanian, Daerah Brunei-Muara, Tanah, Pelajaran, AMDB, Setor Negara, Letrik, Talikom, Bandaran Tutong dan Perubatan).

Tangga Gaji :

F. 3-4 EB. 5 — \$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

b) Jawatan :

PEMANDU KERETA/TRAILER/KRIN

(di-Pejabat Pelabohan)

Tangga Gaji :

E. 1-2-3 EB. 4 — \$410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 45 tahun serta boleh membaca dan menulis.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V dan lima yang sah serta tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kecil.

Tugas2 :

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untuk bertugas bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa atau bekerja sa-chara bergilir2 (shift). Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untuk bertugas di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Ogos, 1981.

(E/1855/76 — Bil : 120/1981)

Sa-bagai Kurator Ilmu Kejadian

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Kurator Ilmu Kejadian di-Jabatan Muzium Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Pemohon2 mesti-lah berumur 18 tahun hingga 40 tahun.

- Pemohon2 mesti-lah sa-kurang2-nya mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (lulus atau kepujian) atau A.M.A. dalam bidang2 biology/ Zoology atau yang sa-banding dengan-nya serta faham bertutur dalam kedua2 Bahasa Melayu dan Inggeris.

- Pemohon2 mesti-lah sa-orang lelaki yang berse-dia untuk bertugas di-hutan2 dan daerah2 pen-dalaman pada bila2 ma-sa yang di-perlukan.

- Bagi pemohon2 yang ti-dak mempunyai kelayakan di-(b) tetapi telah berkhidmat di-Jabatan Muzium atau di-Jabatan Kerajaan yang lain sa-kurang2-nya sa-lama 10 tahun serta pernah men-jalani latihan di-bidang Ilmu Kejadian di-Mu-zium atau University di-United Kingdom atau di-negeri2 Commonwealth boleh juga di-pertim-

bankan.

Tugas2 :

Bertanggung-jawab dalam mentadbirkan, memajukan dan memantapkan kumpul-an2 Ilmu Kejadian, mem-buat sumbangan yang per-ting terhadap projek yang di-selenggarakan oleh Ba-hagian Ilmu Kejadian dan di-galakkan untuk menyeli-raskan usaha2 individu, kumpulan2 masyarakat dan ajensi2 di-Brunei dengan tujuan menubuhkan bank data2 Ilmu Kejadian dan Kaji Hayat.

Tangga Haji :

B. 2 EB. 3 — B\$1975-2050-2125-2205-2285 - 2365 - 2445-2525-2610-2690 - 2775 - 2870-2965-3070-3175 - 3280 / E/B/ 3350-3445-3540-3640.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Ja-batan itu hendak-lah me-nyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Ogos, 1981.

(E/161/80 — Bil : 136/1981)

Sa-bagai Pembantu Teknik

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pembantu Teknik di-Jabatan Majlis2 Mashuarat Negeri, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 35 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sa-banding dengan-nya. Ke-utamaan akan di-berikan ka-pada chalon2 yang mempu-nyai sa-suatu kelulusan tek-nikal dan pengalaman dalam bidang yang berkenaan de-ngan alat2 perkakas 'audio' seperti perakam suara, pema-sangan mikrophone, earphone serta mengetahui kerja2 me-motong/menyambung wayar2 elektrik.

Tugas2 dan Tanggung-jawab :

Sa-bagai pembantu kepada Pembantu Teknik Kanan dan bertanggung jawab mengenai dengan alat2 'audio' seperti tape recorder di-dalam Ba-ngunan Dewan Majlis di-mana terdapat Bilek2 Persidangan, Bilek2 Mashuarat dan Bilek Persidangan di-Istana Jentera hawa dingin dan lampu2.

Tangga Gaji :

D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / E/B/ 980-1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Ja-batan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan per-mohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Ogos, 1981.

(E/569/78 — Bil : 130/1981)

PEMBERITAHUAN TAWARAN

BIL. KONTREK No. 11/1981

1. TAWARAN ada-lah di-pelawa daripada pemborong2 tempatan yang berdaftar de-ngan Jabatan Talikom, Brunei dan mempunyai Kelas Pen-daftaran 'A', 'B' atau 'C'.

2. Tawaran tersebut ia-lah bagi kerja2 (Seria Relief Scheme Phase II). Penanaman kabel2 talipon daripada Ibu-sawat Talipon Seria ka-Lu-rong Empat Belas (14) Barat. Di-anggarkan kerja yang ada itu sa-banyak 16,000 ela.

3. Tawaran2 hendak-lah di-sampaikan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 22hb Ogos, 1981 jam 12.00 tengahari. Tawaran yang di-terima sa-sudah tarikh atau waktu ini akan di-tolak.

4. Tawaran2 hendak-lah di-masukkan di-dalam sampul surat bertutup dan sampul surat tersebut di-tulis dengan perkataan : —

"TAWARAN UNTUK PENANAMAN KABEL

TALIPON DARIPADA

IBUSAWAT SERIA

KA-LURONG 14, SERIA

tanpa membubuh nama s-

pengirim-nya.

5. Keterangan2 lanjut menge-

nai dengan tawaran ini boleh

di-dapati daripada Pejabat

Pengarah Talikom, Brunei di-

Jalan Istana Darussalam, Ban-

dar Seri Begawan dengan

membayar wang chagaran sa-

banyak \$500.00. Wang cha-

garan tersebut akan di-kem-

balikan kepada tawaran2 yang

tidak berjaya dengan syarat

semua keterangan2 yang telah

di-berikan (dokumen tawar-

an) di-kembalikan kepada

Pejabat Pengarah Talikom

dengan keadaan baik ber-

sama2 dengan resit pembayar-

an. Wang chagaran tersebut

akan hilang jika tawaran2

tidak di-kemukakan atau di-

atas kegagalan mengemban-

kan dokumen2 tawaran.

6. Kerajaan tidak akan ter-

kaat untuk menerima mana2

jua tawaran atau tawaran

yang paling rendah.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SA-BAGAI PEGAWAI LAUT HOME TRADE I

PERMOHONAN2 ada-lah di-
pela daripada calon2 yang
kelayakan untuk memenohi
jawatan kosong sa-bagai Pega-
i Laut Home Trade I di-
Jabatan Laut, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:
Sijil kecekapan sa-bagai
Master of a Home Trade Ship
yang di-keluarkan oleh Jaba-
tan Perdagangan dan Per-
usahaan United Kingdom atau

Sa-bagai Bilal di-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-
pela daripada calon2 yang
diri dari raayat D.Y.M.M.
tan untuk memenohi jawa-
tan kosong sa-bagai Bilal di-
Jabatan Melayu Diraja Brunei,
Brunei.

di-kehendaki.

Tangga Gaji:

D.1-2 E.B.3—\$425-440-455-
470 - 485-500-515-535-555-580-
605-630-655-680-700-720-750-790-
825-860-900.

Sa-seorang yang sedang ber-
khidmat dengan Kerajaan
hendak-lah menghantar per-
mohonan-nya melalui Ketua
Jabatan-nya dan Ketua Jaba-
tan itu hendak-lah menyerta-
kan bersama2 dengan permo-
honan ini satu Laporan Sulit
dan satu salinan Rekod Per-
khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-
hantar dalam dua salinan
borang yang boleh di-dapati
daripada Jabatan Perjawatan,
Brunei dan hendak-lah di-
kembalikan bersama2 dengan
salinan surat2 akuan dan sijil2
tidak lewat dari 26hb Ogos,
1981.

(E/1659/77)

(Bil: 133/1981)

FIRE BRIGADE DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 6/1981

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, up to 4.00 p.m. on Thursday 29th August, 1981 for the Supply and Delivery of the Following Fire Brigade Equipments for the year 1981/1982:—

1. Foam Inductor FBU and FBU SX
2. S.M. 10 Select 'O' Metric Branch.
3. Flotto Pump.
4. Veters Mini Lifting Bag Super System 160 Complete Set.
5. Power Pressure Tools Model 32 A or 'O' 150.
6. Resuscitator Oxy Viva Type and one Spare Cylinder.
7. Dreager 202 Model Positive Pressure — Complete Set.
8. Breathing Apparatus Dreager Airliner 300 c/w Cable, Mask and Two Cylinder.
9. Rescue Harness.
10. Pry Axe.
11. Holigan Tools.
12. Mini Detector Pump c/w 2 1/2" Instantaneous Coupling Fitting.
13. SO 5 Verktyget Rescue Tools.
14. Mini Jector Model (Ejector Pump).
Inlet : Screwed 3/4" female BSPT standard First Aid homphaclite
Outlet : 2 1/2" male instantaneous BSPT.
15. S.2 1/2" Model
Inlet : 2 1/2" male instantaneous BSPT.
Outlet : 2 1/2" male instantaneous BSPT.
16. The AWG, Hose Washing Machine.
17. Dividing Breech with Control Valve — Screw — Down — Pattern.
18. Paraguard Stretcher.
Stretcher is designed for use in situation, where access is difficult and removal of the casualty by conventional transport is not always possible.
19. Jet Master.
20. Tub Bex Mk. II
21. "Air Splint" Air Cushioned Bandage and Splint.
22. AM. 11 Ground Monitor 2 1/2".
23. Guy Line 220 ft.
24. Truck Riker (10) Tons 1 Unit.
25. Light Weight Self-supporting-collapsible-dam (1 set).
26. Longworth Automatic Fire Escape (2 nos)
27. TV. Camera.
28. Hydraulic Rescue Equipment (1 set).
29. Cenger Saw (1 set).
30. Zip Gun (1 set).
31. Tifor (1 set).
32. Folding Stretcher (6 set).
33. High Expansion Foam Generator (1 set)
34. Mechanical Foam Equipment.
35. Flow Test and Flow Gauge Equipment (1 set).
36. Safety Belt.
37. Off Sling Stripes.

Tenders are requested to forward their specifications and catalogue for the above Fire Brigade Equipments with their notation and tenders. All prices quoted based on C.I.F. Brunei.

List and types of equipments required may be obtained from Senior Divisional Officer at Bandar Seri Begawan Fire Station.

Date of delivery to be stated.

Tenders received after this time will be rejected.

Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked tenders for Fire Brigade Equipments. The name of the tenderer must not appear on the envelope.

The cover must be addressed to the Chairman, Tender Board, at the offices of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The lowest of any tender will not necessarily be accepted.

PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

No. 89 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 18th August, 1981 for:—

PROPOSED GOVERNMENT HOUSING PHASE 1 AT MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 90 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 18th August, 1981 for:—

EXTENSION OF BRANCH SEWER ALONG JALAN OLD AIRPORT, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 91 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 18th August, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF DOUBLE LEAF COLLAPSIBLE STEEL GATES TO RICE AND SUGAR GODOWN PWD No. 968 STATE STORE AT JALAN GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 92 OF 1981

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 18th August, 1981 for:—

SUPPLY AND LAYING OF MOSAIC AND MAR-LEFLEX VINYL ASBESTOS FLOOR TILES TO UNFINISHED FLOORS AT TUTONG HOSPITAL, TUTONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 93 OF 1981

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 18th August, 1981 for:—

SANDING AND POLISHING OF FLOORS OF GOVERNMENT QUARTERS FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 94 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 18th August, 1981 for:—

THE SUPPLY OF FOAM RUBBER MATTRESSES, PILLOWS AND CUSHIONS TO P.W.D. BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 95 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 25th August, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF KILANAS RELIGIOUS PRIMARY SCHOOL AT MILE 7, JALAN TUTONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 96 OF 1981

